

Jilid 1  
Bil. 67



Hari Rabu  
14hb Oktober, 1987

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 11281]

USUL:

Akta Acara Kewangan 1957—

Menambah Butiran Baru “Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi  
Belia”, dan “Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut” [Ruangan 11335]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

.. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

.. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

.. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

.. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

.. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

.. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

.. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

.. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

.. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

.. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

.. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

.. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

.. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

.. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu Siing Seng (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- .. PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 14hb Oktober, 1987

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**PULAU BIDONG—PENEMPATAN  
PENDATANG HARAM VIETNAM**

**1. Tuan Abdul Rahman bin Bakar**  
minta Menteri Dalam Negeri  
menyatakan:

- (i) bilakah Pulau Bidong akan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri;
- (ii) apakah Kerajaan bersetuju dengan hasrat Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadikan pulau tersebut sebagai pulau tempat pemulihan mangsa-mangsa najis dadah daripada terus menerus dijadikan pusat penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam; dan
- (iii) berapa ramai pendatang-pendatang haram Vietnam yang berada di Pulau Bidong kini—dan bilakah pulau itu akan dikosongkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (i) pada masa ini Kerajaan tidak dapat meramalkan bilakah

Pulau Bidong dapat dikembalikan kepada Kerajaan Negeri kerana ianya masih diperlukan untuk menempatkan pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih mendarat di negara kita;

- (ii) saya tidak menerima secara resmi mengenai hasrat Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadikan Pulau Bidong sebagai pusat pemulihan penagih dadah. Walau bagaimanapun cadangan itu akan dipertimbangkan jika perkara ini dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri; dan sehingga 30 September, 1987 seramai 4,471 orang pendatang haram Vietnam masih berada di Pulau Bidong. Pulau Bidong akan dikosongkan apabila pendatang-pendatang haram Vietnam ini ditempatkan di negara-negara ketiga dan kita ditinggalkan dengan saki-baki kecil pendatang-pendatang itu, maka Pulau Bidong akan dikosongkan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dalam angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bagaimanakah perbincangan Malaysia dengan negara-negara ketiga dalam usahanya untuk menghantar pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara-negara ketiga dan adakah kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Malaysia

dalam hal ini untuk menghantar pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara-negara ketiga? Sekiranya Kerajaan menghadapi kesulitan untuk meyakinkan negara-negara ketiga untuk menerima pendatang-pendatang daripada Vietnam, adakah cadangan-cadangan lain oleh Kerajaan Malaysia, seperti untuk menerima pendatang-pendatang daripada Vietnam dari segi perikemanusiaan untuk menempatkan sebahagian daripada mereka dalam negara kita sendiri?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah besar yang dihadapi oleh Kerajaan kita dengan negara-negara ketiga melalui UNHCR dalam memindahkan pendatang-pendatang haram ini ke negara yang ketiga.

Kalau kita lihat pada tahun 1987 sungguhpun pendatang-pendatang haram yang mendarat ialah 5,066 orang yang telah dapat dihantar ialah 6,668 orang. Ini menunjukkan bahawa pemindahan lebih ramai lagi daripada bilangan yang mendarat, dengan sebab itu masalah besar tidak wujud. Kita tidak ada cadangan untuk menempatkan pendatang-pendatang haram ini di negara kita.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Apakah terdapat pendatang-pendatang baru yang akhir-akhir ini mendarat di Malaysia dan ditempatkan di Pulau Bidong?

Kedua, bagaimana sikap Kerajaan Malaysia kalau pendatang-pendatang ini terus mendarat di negara kita?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sepertimana yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bagi tahun ini sehingga September, ada 5,066 orang yang mendarat iaitu 135 buah bot dan daripada 5,066 orang ini

lahir pula anak seramai 175 orang dan kesemuanya ini kita tempatkan di Pulau Bidong.

## HASIL PERTANIAN SEBAGAI YURAN SEKOLAH

**2. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pendidikan menerangkan apakah Kementerian bercadang untuk menerima hasil-hasil pertanian yang boleh dikeluarkan oleh petani-petani dapat digunakan oleh murid-murid terdiri daripada anak-anak petani sebagai pembayaran yuran-yuran sekolah di samping menggunakan wang tunai.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan belum lagi mempunyai cadangan untuk menjadikan hasil-hasil pertanian digunakan sebagai pembayaran yuran-yuran sekolah di samping wang tunai.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mencadang bahawa anak-anak petani dan anak-anak di kampung-kampung pendalaman sama ada mereka ada terletak dalam golongan yang miskin, dihapuskan semua bayaran-bayaran kepada anak-anak ini?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ada garis panduan untuk membantu semua pihak yang miskin dalam bidang pendidikan seperti kita akan mengadakan asrama penuh untuk memberi peluang kepada semua, sebahagian murid-murid dari keluarga miskin untuk memasuki ke asrama penuh dengan tidak perlu membayar apa-apa yuran. Langkah-langkah ini akan dijalankan dan asrama-asrama penuh juga yuran-yurannya pun kita cuba mengurangkan untuk hostel atau

asrama yang patut dibayarkan oleh pelajar-pelajar dari semua golongan.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa tidak ada cadangan untuk ibubapa atau petani-petani yang miskin bagi membayar yuran-yuran sekolah menerusi hasil pertanian. Tidakkah Kementerian ini bercadang meniru ataupun menurut jejak ataupun perkara yang dilakukan oleh sebuah negara jiran di mana petani-petani yang miskin boleh membayar yuran sekolah dengan menggunakan hasil-hasil pertanian seperti dibayar dengan telur, ayam, padi atau cendawan kerana hasil-hasil pertanian sukar dipasarkan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, maksud sekolah itu kita mengajar budak-budak dan sampai sekarang kita pun kekurangan mengadakan kakitangan dan tidaklah patut kita memaksa guru menjadi salesman, dengan izin. Kalau kita membenar bayaran dengan hasil pertanian kita tidak ada tempat untuk menyimpan semua bahan-bahan dan masalah pasaran, pengurusan dan harganya pun tidak tentu juga.

#### **LOMBONG SUNGAI LEMBING— PENUTUPAN**

**3. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dalam perjumpaannya dengan para wakil pekerja-pekerja lombong Sungai Lembing yang telah ditutup selama 20 bulan ini beliau telah berjanji bahawa Kerajaan akan membantu menyelesaikan masalah-masalah mereka serta nyatakan apakah tindakan Kerajaan telah mengambil atau bercadang mengambil untuk menamatkan kebuntuan selama 20 bulan itu yang menjejaskan mata pencarian 10,000 orang di lombong yang berusia 100 tahun itu.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah lombong Sungai Lembing ini melibatkan mata pencarian 743 orang pekerja-pekerja sahaja dan bukan 10,000 orang seperti yang didakwakan. Ini tidak menghairankan, memang ini tabiat DAP suka membesar-besarkan perkara yang tidak betul. (*Tepuk*)

Masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja lombong Sungai Lembing sebenarnya merupakan masalah di antara pekerja-pekerja dengan majikan mereka, iaitu Syarikat Pahang Investment Public Limited Company (PIPLC) dan bukannya masalah di antara pekerja-pekerja dengan Kerajaan. Tetapi memandangkan Kerajaan bersimpati dan berasa tanggungjawab di atas masalah yang dihadapi oleh mereka, maka Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikannya.

Langkah-langkah itu telahpun diambil oleh Kerajaan mulai Januari lalu. Satu Jawatankuasa yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang telah ditubuhkan. Jawatankuasa itu telah mengadakan beberapa mesyuarat dan perjumpaan dengan wakil-wakil pekerja, Syarikat PIPLC dan syarikat-syarikat yang mungkin boleh menyelesaikan masalah lombong Sungai Lembing.

Walau bagaimanapun, oleh sebab-sebab tertentu kerana ada seorang shareholder yang membawa perkara ini ke mahkamah menyebabkan berlakunya kegendalaan yang sangat panjang, maka Kerajaan telah membuat keputusan memberhentikan usaha-usaha menyelamatkan operasi lombong Sungai Lembing. Sebagai langkah kontigensi Kerajaan telah bersetuju supaya pekerja-pekerja

didapatkan pekerjaan di tempat-tempat lain. Di samping itu, pekerja-pekerja juga akan ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA dan juga rancangan-rancangan tanah bersekelompok. Sebanyak lebih-kurang 400 tempat telah didapati di rancangan-rancangan FELDA. Untuk maksud ini pihak FELDA telah bersetuju untuk melonggarkan syarat-syarat kemasukan ke rancangan ini kepada pekerja-pekerja lombong Sungai Lembing.

Perlu dinyatakan di sini bahawa semasa usaha-usaha untuk menyelamatkan operasi lombong Sungai Lembing dijalankan, Kerajaan telah membiayai kos pembekalan elektrik di kawasan lombong dan juga di kawasan Sungai Lembing. Peraturan-peraturan juga telah dibuat supaya keadaan keselamatan diawasi dan pam-pam dijalankan untuk mempatikan bahawa lombong itu tidak akan ditenggelami air.

Di samping itu perkhidmatan seperti bekalan air, perkhidmatan perbandaran, perkhidmatan kesihatan dan penyelenggaraan jalan telah juga diberikan. Perkhidmatan-perkhidmatan asas ini akan terus di berikan oleh Kerajaan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan ini, Kerajaan telah rugi sebanyak \$2,196,000 dalam tahun ini kerana membayar wang minyak yang sepatutnya dibelanjakan oleh company itu sendiri dan juga wang tunai pembayaran gaji, elaun kakitangan, hospital, derma untuk hari raya bagi pekerja-pekerja dan sebagainya. Seperti yang saya sebutkan tadi usaha menyelamatkannya sudah tidak dapat diteruskan, tetapi baru-baru ini telah datang satu syarikat daripada Kanada cuba hendak mengambil alih dan sedang berhubung dan berunding dengan kerajaan Negeri Pahang dan

oleh kerana lombong adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri, jadi kami menyerahkan hal ini kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, itu ialah orang tanggungan dan itu bukanlah satu angka yang jauh daripada angka-angka bilangan pekerja-pekerja dan tanggungan mereka, tetapi soalan saya ialah bukanlah kes ini patut menjadi satu pengajaran kepada pihak Kerajaan supaya berjaga-jaga, satu resource, satu lombong yang begitu terkenal di dunia dan terbesar di bawah tanah boleh sampai tahap ini di mana ada salah management, dengan izin, asset stripping dan lain-lain supaya di negara kita perkara ini tidak berlaku bahawa perlu Kerajaan ada satu unit mengawal perkara-perkara semacam ini, bukan sahaja menjaga nasib pekerja-pekerja dan kepentingan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta kemukakan soalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bahawa ini satu kelalaian dan satu kecuaiian dan di mana pihak Kerajaan pun perlu bertanggungjawab.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tidak ada soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak ada.

**Dr V. David:** Satu soalan. Kalau Kerajaan tidak tahu berniaga, sebab apa campur berniaga. Soalan saya berapa saham Kerajaan Pahang ada dalam syarikat ini dan kedua ada juga baki gaji lagi mahu dibayar kepada orang yang bekerja. Dahulu bila orang kerja itu minta sebelum hari raya dapat satu advance tetapi gajinya belum dapat. Saya minta berapa juta ringgit baki gaji dan berapa bulan gaji pekerja ada baki, tolong beri terang, sebab ini orang-orang semua yang

miskin di kawasan itu. Tolonglah kalau kita boleh cari jalan bayar gaji mereka dan mencari kerja lain tempat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ialah soal company, syarikat dengan pekerja mereka, bukan dengan Kerajaan, dan berapa banyak Kerajaan Pahang ada modal, saya tidak berapa pasti hal ini. Saya fikir Kerajaan Pahang tidak ada saham dalam lombong.

#### UNIVERSITI/CAWANGAN DI LUAR BANDAR — PEMBINAAN

**4. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pada masa-masa akan datang Kementerian bersedia menambah untuk membina universiti-universiti, cawangan-cawangan universiti atau maktab-maktab jauh di luar bandar sebagai memainkan peranan memodenkan kampung-kampung dan luar bandar yang tertinggal dalam semua aspek.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mempercepatkan proses pembangunan Wilayah, Kerajaan telahpun menetapkan beberapa kampus induk dan juga cawangan institusi pengajian tinggi tempatan di kawasan luar bandar. Pada ketika ini hampir kesemua negeri telahpun mempunyai kampus institusi pengajian tinggi sama ada kampus induk ataupun cawangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan sebab-sebab mengapakah pihak Kementerian enggan mendirikan universiti-universiti di negara ini, kerana seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum bahawa terdapat

permintaan yang besar untuk memasuki universiti-universiti sehingga rakyat Malaysia membelanjakan \$1.17 bilion untuk menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapatkan pengajian universiti. Saya telah menanya Yang Berhormat Menteri dahulu bahawa untuk mendirikan sebuah universiti harganya \$500 juta sedangkan wang perbelanjaan satu tahun sebanyak \$1.17 bilion. Kita boleh dirikan dua universiti. Mengapakah Kerajaan enggan membuat, membina universiti yang boleh menjimatkan foreign exchange. Terima kasih.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menubuhkan satu universiti Kementerian Pendidikan dan Kerajaan mesti mengkajinya dengan teliti. Kerajaan mesti menyediakan kewangan yang cukup bukan untuk pembangunan sahaja tetapi perbelanjaan, gaji hendak dibayar kepada pensyarah-pensyarah. Sebab sekarang kita menghadapi kemelesetan ekonomi dan kerajaan tidak berhasrat untuk memberatkan tanggungjawab kepada semua rakyat yang hendak membayar hasil yang lebih tinggi, sebab itu Kerajaan hendak menjimatkan wang untuk membuat tambahan kampus-kampus universiti di negara kita ini. Kerajaan cuma mendapat kerjasama dari negara-negara luar untuk membantu kita, ini juga adalah satu kesan yang baik sebab melalui student exchange kita dapatlah bertukar-tukar fikiran dan pengalaman juga.

**Tuan Mohamed Sam bin Sailan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pembinaan sesebuah universiti adalah mengikut satu teori bahawa pengeluaran pelajar-pelajar yang berijazah hendaklah bersesuaian dengan jumlah penduduk satu negara supaya tidak berlaku influx pelajar-pelajar yang mempunyai ijazah ataupun rakyat yang mempunyai ijazah. Soalan saya ialah dengan

adanya 7 universiti dalam negara ini adakah jumlah pengeluaran graduates bersesuaian dengan jumlah penduduk yang ada dan kalau demikian, adakah Kerajaan tidak bercadang untuk menambah universiti agar tidak berlaku banjir pelajar-pelajar yang berijazah seperti yang berlaku pada masa ini.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, 7 buah universiti yang ada di negara ini belum mencukupi untuk memberi pelajaran kepada penduduk-penduduk di negara ini jika kita hendak negara ini maju seberapa mungkin dan ini sebab kita tidak dapat menunaikan hasrat ini sebab kekurangan kewangan. Sebab itu kita tidak dapat menambahkan lebih banyak pusat pengajian tinggi.

#### UDA AMBIL SEMULA PEREMBA DARI FLEET GROUP

**5. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan akibat daripada kegagalan Fleet Group untuk membayar baki wang \$147 juta dari harga penjualan Peremba yang bernilai \$163 juta, adakah Fleet akan dipaksa untuk membayar pampasan ke atas sebarang pengurangan dalam nilai aset Peremba kepada UDA. Jika ya, bila dan apakah jumlah wang pampasan yang akan dibayar oleh Fleet dalam hal ini. Adakah Fleet meminta diberi kelulusan untuk membayar wang ini secara ansuran mengikut syarat-syarat tertentu. Jika ada, apakah yang dijanjikan di antara kedua-dua belah pihak UDA dengan Fleet.

15-10-1987

**14. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada akibat kegagalan Kumpulan Fleet untuk menyelesaikan pembelian Peremba, Kumpulan Fleet telah hilang bayaran wang pendahuluan sebanyak

10 peratusnya iaitu sebanyak \$16 juta dan kini dikehendaki mempampaskan UDA disebabkan turunnya nilai aset Peremba sebanyak \$100 juta, atau sama ada UDA telah memberi Kumpulan Fleet satu pengecualian (Waiver) ke atas kedua-dua perkara ini; dan jika ya, beri sebab-sebab.

28-10-1987

**13. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Perusahaan Awam memberi penjelasan kenapakah UDA terpaksa mengambil kembali PEREMBA dari Kumpulan Fleet. Apakah Kumpulan Fleet telah membayar kepada UDA semasa mengambil PEREMBA dan berapakah jumlahnya. Adakah perlunya UDA mengambil kembali PEREMBA. Bagaimanakah kedudukan kewangan secara terperinci dan prestasi PEREMBA setakat ini terutama sebelum dan sewaktu di dalam milik Kumpulan Fleet.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan-soalan mengenai Peremba Bhd yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong mempunyai maksud yang sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang dijadual dijawab pada 15 Oktober dan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 28 Oktober, 1987 maka izinkan saya untuk memberi jawapan ke atas soalan-soalan tersebut secara bersekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peremba Berhad iaitu anak syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) telah dipersetujui untuk dijual kepada Fleet Development Sdn Bhd (FDSB) dalam bulan Oktober 1985. Pembayaran pendahuluan sebanyak \$16,388,700 iaitu 10% daripada harga

jualan telahpun dijelaskan oleh FDSB pada bulan Disember, 1985. Mengikut perjanjian, baki 70% bayaran perlu dibuat kepada UDA dalam bulan Oktober, 1986 manakala baki terakhir sebanyak 20% perlu dibayar dalam bulan Januari tahun 1986.

Memandangkan FDSB telah gagal membuat pembayaran kepada UDA seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian jualbeli di antara FDSB dengan UDA, maka Peremba Berhad terpaksa diambilalih semula oleh UDA.

Dengan kegagalan Fleet untuk menyelesaikan pembelian Peremba seperti yang termaktub di dalam perjanjian, wang pendahuluan 10% iaitu sebanyak \$16,388,700 mengikut perjanjian telah diluputkan. Setelah Peremba diambilalih oleh UDA, berdasarkan kepada Laporan Juru Audit yang dilantik selaras dengan peruntukan perjanjian jualbeli, didapati tiada apa-apa penurunan atau pengurangan nilai terhadap harta-harta Peremba. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengkaji perkara ini jika ada lagi lain-lain harta yang tidak termasuk kira. Kajian dijangka akan mengambil masa. Oleh yang demikian, pada ketika ini soal tuntutan pampasan dan pengecualian adalah tidak timbul terutama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebanyak \$300 juta itu. Saya akan berterima kasih jika Yang Berhormat dari Tanjong memberi maklumat lengkap dan asas-asas bersabit dengan angka \$300 juta itu untuk membantu saya mengkaji perkara tersebut.

Berhubung dengan kedudukan kewangan Peremba secara terperinci, belum dapat lagi dibentangkan di sini kerana penyata kewangan setakat 31 Disember 1986 masih dalam proses pengauditan. Penyata kewangan yang telah diaudit boleh didapati daripada Laporan Tahunan Peremba apabila

ianya diumumkan nanti. Dari segi prestasi Peremba sebelum dan sewaktu dalam milikan Fleet, adalah masih dalam kajian kerana Peremba baru sahaja diambilalih oleh UDA.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian telahpun mengambil beberapa tindakan untuk menyelesaikan masalah kewangan Peremba Berhad dan anak-anak syarikatnya supaya dapat mencapai prestasi yang menggalakkan di masa hadapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, angka \$300 juta saya percaya Yang Berhormat Menteri pun ada baca *Far Eastern Economic Review* dan tentulah beliau sudah patut mula buat satu siasatan.

Kedua, bukankah benar bahawa pegawai-pegawai UDA ada menulis surat kepada Fleet Group untuk meminta pampasan.

**Dato' Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya dan juga pegawai-pegawai di dalam Kementerian tidak mengambil arahan dari *Far Eastern Economic (Tepuk)*. Dan juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak mengetahui ada pegawai UDA meminta pampasan, sebabnya perkara ini tidak timbul, kerana tidak ada perlu kita untuk menuntut pampasan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berbangkit daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sama ada setakat ini UDA bersedia menjual Peremba kepada sektor swasta dan sekiranya UDA ada cadangan seperti ini sama ada prosedur untuk menswastakan atau menjual Peremba ini melalui rundingan dua hala atau melalui cara tender?

**Dato Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia perniagaan, menjual dan membeli itu adalah perkara biasa. Jadi, sekiranya ada orang sudi membeli, ada pula orang sudi menjual, maka berlakulah penjualan. Dalam perkara ini, sekiranya ada orang yang sudi hendak membeli, kita akan pula sudi mengkajinya.

### JALANRAYA BOTA KIRI KE TELOK SENA

**6. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalanraya dari Bota Kiri ke Telok Sena di kawasan Parit adalah dalam keadaan yang sangat buruk, iaitu berlubang-lubang dan telah menyebabkan beberapa kemalangan jalanraya yang mengorbankan beberapa nyawa, jika ya, bilakah tindakan akan diambil untuk memperbaiki jalan ini.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar keadaan Jalanraya Bota Kiri ke Telok Sena yang mengalami kerosakan teruk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan ini adalah merupakan jalan Kerajaan Negeri. Saya telah di fahamkan bahawa kerosakan itu adalah berpunca daripada penggunaan jalan tersebut oleh kenderaan-kenderaan berat.

Bagi mengatasi masalah tersebut, saya juga telah difahamkan bahawa pihak Jabatan Kerjaraya Negeri Perak telahpun memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk memulihkan jalanraya tersebut. Walau bagaimanapun, untuk sementara waktu Jabatan Kerjaraya Negeri Perak dari semasa ke semasa telah mengadakan penyelenggaraan dengan peruntukan biasa yang sedia ada.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berpandu kepada jawapan Menteri yang berkenaan adakah pihak Kementerian Kerjaraya bercadang untuk menaikkan taraf jalan tersebut kepada Jalan Persekutuan supaya penyelenggaraan jalan ini boleh dibesarkan lagi dan juga lebih sempurna bagi mengatasi kesesakan dan jalan yang tidak sempurna itu boleh menimbulkan kemalangan dan sebagainya. Sehubungan dengan ini juga, sedarkah bahawa bukan sahaja di Jalan Bota Kiri ke Telok Sena, termasuk juga Bota Kanan, Kampung Gajah terus ke Taiping dan Ipoh melalui jalan tersebut yang banyak digunakan bagi jalan pendek mereka yang datang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang lain-lain itu tak bersangkutan. Perkara yang bersangkutan ini jalan dari Bota Kiri ke Telok Sena.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, yang sangkut itu sahaja minta dijawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jalan itu sangkutlah, tetapi soalan tak sangkut. *(Ketawa)*

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberi geran kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri untuk menyelenggara dan juga memperbaiki jalan-jalan dalam tugas mereka. Tetapi untuk menjalankan projek-projek seperti jalan-jalan disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, saya suka menerangkan sedikit iaitu keputusan untuk memperbaiki jalan melalui geran-geran yang diberi oleh Kerajaan Pusat itu ialah satu keputusan dalam tangan Kerajaan Negeri. walaupun mereka menjaga jalan itu atau tidak, walaupun mereka membelanja wang untuk memperbaiki atau tidak, tetapi

selalunya mereka menerima \$12,000 sebatu tiap-tiap tahun, tetapi pada akhirnya mereka tidak menjaga jalan itu. Siapa yang bertanggungjawab ialah Persekutuan. Saya mintalah jikalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau ada juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan-kawasan bangkitkanlah perkara ini di tiap-tiap Dewan-dewan Negeri sebab seorang Menteri memberi peruntukan itu kepada Kerajaan Negeri, tetapi jikalau Kerajaan Negeri jikalau tidak bertanggungjawab dan tidak menjaga jalan itu, itu bukanlah tanggungjawab saya.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah peruntukan yang diberi oleh Kementerian Kerjaraya ini untuk Kerajaan Negeri untuk membiayai jalanraya-jalanraya mencukupi iaitu sekadar \$12,000 sebatu itu. Saya minta penjelasan dari Menteri berkenaan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau Kerajaan-kerajaan Negeri terus membelanjakan yang kita beri, saya percaya itu ada mencukupi.

#### **DASAR APARTHEID AFRIKA SELATAN**

7. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menetapkan perakuannya bahawa Malaysia menentang sepenuhnya regim perkauman Afrika Selatan dan langkah-langkah selanjutnya; jika ada, adakah Kerajaan bersedia mengharamkan semua iklan-iklan di akhbar-akhbar tempatan yang memberi promosi kepada pengeluaran pertubuhan dagangan yang ada hubungan kait dengan Afrika Selatan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sentiasa menentang dasar

apartheid Afrika Selatan semenjak kita mencapai kemerdekaan dan di antara langkah-langkah konkrit yang telah kita ambil ialah pengharaman segala perhubungan dua hala di antara negara kita dan Afrika Selatan serta semua wilayah dan jajahannya. Sejajar dengan dasar kita ini, kita telah mengubal beberapa perundangan termasuk Akta Kastam 1967 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import dan Eksport) yang mengharamkan semua import dan eksport dari ataupun ke Afrika Selatan dan Wilayah-wilayah serta jajahannya. Mulai tahun 1975, Malaysia juga mengharamkan semua lawatan dari atau ke negara tersebut.

Malaysia juga bertindak tegas menentang dasar apartheid ini di semua persidangan-persidangan antarabangsa termasuk di Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Negara-negara Berkecuali, Pertubuhan Komanwel dan Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam, dan sentiasa berusaha mendapatkan persetujuan semua negara-negara untuk mengenakan sekatan ekonomi secara menyeluruh terhadap Afrika Selatan sebagai satu langkah ke arah penghapusan dasar apartheid itu.

Soal pengharaman iklan-iklan di akhbar-akhbar tempatan yang menggalakkan pertumbuhan dagangan dengan Afrika Selatan tidaklah timbul kerana akhbar-akhbar tempatan tidak menerbitkan iklan-iklan sedemikian dan juga kerana perdagangan di antara Malaysia dan Afrika Selatan adalah diharamkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, nampaknya langkah-langkah konkrit ada diambil oleh Kerajaan kita atas satu regim perkauman di Afrika Selatan. Adakah dalam arahan itu Kerajaan kita bercadang untuk mengambil langkah-langkah konkrit seperti yang ada dikatakan tadi atas

regim perkauman dalam negara Fiji yang baru-baru ini ada dibina oleh seorang bernama Kolonel Sitiveni Rabuka. Adakah Kerajaan kita bercadang mengambil tindakan keras atas satu pemimpin perkauman iaitu Sitiveni Rabuka?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak benarkan soalan itu. Soalan asal ialah berkenaan dengan Afrika Selatan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam sidang Parlimen yang lepas beberapa soalan yang timbul mengenai Rothmans, iaitu pembuat rokok di negara kita ini yang didapati adalah kepunyaan warganegara Afrika Selatan dan adakah Kerajaan telah menjalankan siasatan tentang pemegang saham ini? Kalau ada, apakah keputusannya? Kalau didapati syarikat ini adalah kepunyaan warganegara Afrika Selatan, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kerajaan tidak ada bukti-bukti yang tepat yang boleh menyatakan bahawasanya syarikat Rothmans ini dipunyai oleh warganegara Afrika Selatan. Sekiranya pihak Yang Berhormat ada butir-butir yang sah, sila hantarkan kepada Wisma Putra.

#### **MARA CAWANGAN SABAH— PINJAMAN PENIAGA**

**8. Tuan Michael Asang** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan, apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh pihak MARA untuk mengatasi masalah para peniaga-peniaga yang berjaya mendapat kelulusan pinjaman daripada Cawangan MARA di Sabah terpaksa menunggu giliran berbulan-bulan

untuk mendapatkan wang pinjaman tersebut kerana Pejabat Cawangan MARA kekurangan wang.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):**

Tuan Yang di-Pertua, perlu dimaklumkan bahawa pihak MARA dengan sedaya upaya cuba mempercepatkan urusan pengeluaran wang pinjaman yang telah diluluskan dalam usaha membantu peniaga peniaga ataupun usahawan-usahawan yang perlukan bantuan kewangan. Walau bagaimanapun, kelewatan mendapatkan wang pinjaman selepas pinjaman diluluskan dari MARA negeri Sabah atau lain-lain Pejabat MARA Negeri mungkin disebabkan oleh:

- (1) Proses penyempurnaan dokumen-dokumen pinjaman memakan masa, ini ditambah lagi oleh kelewatan peminjam-peminjam sendiri untuk tampil ke Pejabat-pejabat MARA bagi menguruskan perkara-perkara berkenaan. Dokumen-dokumen pinjaman yang dimaksudkan termasuklah surat gadaian, surat perjanjian pinjaman dan/ atau surat jaminan pendaftaran gadaian tanah yang dijadikan cagar. Kesemua dokumen berkenaan hendaklah disempurnakan dengan segera sebelum bayaran pinjaman yang diluluskan dapat dibuat.
- (2) Bagi pinjaman-pinjaman yang bersandarkan jaminan orang-orang perseorangan, penjamin-penjamin yang berkenaan adakalanya tidak dapat atau gagal dihubungi dengan segera untuk menandatangani surat perjanjian jaminan. Banyak juga terjadi kes-kes di mana selepas pinjaman diluluskan dan surat perjanjian pinjaman hendak ditandatangani, penjamin-penjamin menarik

diri dan pihak peminjam terpaksa mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pinjaman berkaitan untuk mengesahkan pertukaran gantian penjamin tadi.

- (3) Peminjam sukar atau lewat memenuhi syarat-syarat yang telah diputuskan ke atas kelulusan sesuatu pinjaman itu. Sehubungan dengan perkara yang dibangkitkan, perlu dijelaskan bahawa MARA Negeri Sabah setakat ini tidak menghadapi masalah dari segi peruntukan pinjaman tetapi mungkin menghadapi masalah di segi wang di tangan yang ada di peringkat negeri bagi membolehkan bayaran dibuat dengan seberapa segera. Tindakan akan diambil untuk menentukan bahawa MARA Sabah diberikan cukup wang panjar bagi tujuan membuat bayaran ke atas sesuatu pinjaman yang diluluskan dibuat dengan seberapa segera yang mungkin.

## PEMULIHAN EKONOMI

**9. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang tanda-tanda positif pemulihan ekonomi untuk Malaysia yang terakhir, apakah projeksi dan program Kerajaan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi sepenuhnya dan adakah Kerajaan menetapkan satu tarikh pencapaian untuk maksud ini dan sama ada Kerajaan yakin untuk mencapainya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara telahpun menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang positif. Harga-harga barangan utama telahpun meningkat dan ini telah pun meningkatkan pendapatan eksport.

Keadaan ini telah membantu meningkatkan kedudukan hasil dan juga imbangan pembayaran negara. Kesemua ini membawa kesan yang lebih baik. Pada keseluruhannya ekonomi negara kita terus berkembang dan dijangka mencapai prestasi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar yang lebih tinggi dalam tahun ini dan tahun 1988.

Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memberikan penerangan yang lebih terperinci di dalam Ucapan Belanjawan Kementerian yang akan datang ini berserta dengan Laporan Ekonomi Tahun 1987/1988 yang akan memberikan gambaran yang sepenuhnya berkenaan kedudukan ekonomi negara, peluang-peluang perkembangan kemajuan serta juga cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh negara kita. Di samping itu juga laporan ini akan memberikan gambaran usaha-usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi ekonomi negara.

Kerajaan memang yakin untuk mencapai matlamat-matlamat yang dituju dalam usaha memperkukuhkan ekonomi negara. Ini adalah kerana kita percaya usaha-usaha yang dijalankan ini akan mendapat sokongan dan kerjasama yang rapat daripada seluruh lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai soalan tambahan berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi, perkembangan ekonomi dan kedudukan ekonomi negara kita ini dan saya harap, Kementerian berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersabar sedikit kerana Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membahaskan kedudukan ekonomi negara dengan sepenuhnya pada masa perbahasan Belanjawan yang akan datang pada minggu hadapan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasir Mas, dia hendak bertanya juga?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menjawab mengenai dengan kedudukan ekonomi akan dijelaskan dengan secara terperinci dalam Belanjawan nanti dan telah menegaskan bahawa kedudukan ekonomi negara telah bertambah positif, tetapi saya ingin mendapat jawapan yang jelas dan tegas bahawa sebagai seorang Timbalan Menteri Kewangan yang saya rasa ada membuat kerja "homework", kenapakah pertumbuhan ekonomi negara kita didapati agak kebelakangan kalau dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi yang dicapai oleh negara-negara di Asia Tenggara seperti Thailand, Singapura, malahan Filipina mahupun Hong Kong sekarang ini dan saya tidak mahu jawapan itu, Tuan Yang di-Pertua, disebutkan dalam Belanjawan, sebab sebagai seorang Timbalan Menteri Kewangan, beliau mampu menjawab soalan sedemikian dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sesuatu negara, jika kita mengatakan atau membandingkan keadaan politik di dalam sesebuah negara dengan negara-negara lain, mungkin faktor-faktor politik ini adalah faktor yang penting, tetapi ada faktor-faktor yang lain juga yang kita dapat mengambil kira iaitu jika usaha-usaha Kerajaan ke arah menambahkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Jadi, saya harap jika kita berbincang dengan faktor-faktor atau sebab-sebab ekonomi negara kita ini tidak dapat dipulihkan dengan cepatnya kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, saya harap ini adalah jelas

bahawa ahli-ahli politik di dalam negara kita ini janganlah memainkan isu-isu politik yang begitu sensitif supaya mengatasi meyakinkan pelabur-pelabur asing tidak datang dan ini akan menjejaskan ekonomi negara kita ini juga usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu tinggi.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberikan penjelasan bahawa selain daripada faktor politik yang ada di dalam negara kita, apakah faktor lain berkenaan dengan faktor politik itu untuk memulihkan keyakinan bagi mengatasi ekonomi negara kita.

Kedua, nampaknya menurut daripada jawapan yang diberikan tadi mengenai imbalan pembayaran negara telah bertambah baik, adakah Kerajaan bercadang memulihkan semula masalah kenaikan gaji kepada kakitangan Kerajaan dan menerima semula kakitangan-kakitangan yang tidak mencukupi di Kementerian masing-masing dan juga memulihkan semula faedah-faedah kepada kakitangan kerajaan yang telah dibekukan oleh kerajaan pada masa lalu, jika benar imbalan pembayaran itu telah bertambah baik dan keyakinan pelabur juga telah bertambah baik.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan faktor-faktor lain selain daripada faktor politik yang mungkin mempunyai pengaruh ke atas usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, tentulah ada banyak faktor. Sebahagiannya ialah faktor harga-harga barangan utama negara kita dan juga faktor-faktor lain yang saya tidak dapat sebutkan semua di sini dan mungkin dalam perbincangan

belanjawan apabila Kementerian Kewangan telah memberikan gambaran ekonomi negara dengan sepenuhnya barulah kita berbincang dengan sepenuhnya faktor-faktor yang akan dihadapi oleh negara kita.

Berkenaan dengan cadangan atau teguran yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji berkenaan dengan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan, saya berharap beliau boleh bersabar sedikit, sampailah ke hari Ucapan Belanjawan apabila Kementerian telah memberikan gambaran yang penuh, barulah kita bincangkan perkara itu supaya adalah adil Kerajaan menaikkan gaji yang berkenaan.

#### **SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA—KEMAJUAN DICAPAI**

**10. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa sejak diswastakan pada awal tahun ini, apakah kemajuan yang dicapai oleh Syarikat Telekom Malaysia Bhd. Berapakah keuntungan yang diperolehi dalam masa 9 bulan pertama tahun ini, jika dibandingkan dengan masa yang sama sebelum ia diswastakan. Apakah rancangan STMB untuk memperbaiki dan meninggikan lagi taraf perkhidmatan sistem telefon di Malaysia yang masih kurang memuaskan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, setelah Jabatan Telekom Malaysia diperbadankan dan menjadikan dalam bentuk Syarikat Telekom Malaysia Berhad, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berusaha dan meletakkan harapan supaya syarikat tersebut menjadi satu perbadanan yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan, yang keduanya, akan wujud satu keadaan yang teguh dari

segi ekonomi dan dari segi kewangan supaya syarikat itu dapat sama-sama membangunkan ekonomi negara kita.

Oleh yang demikian dalam selama 9 bulan yang lalu ini, perubahan pokok yang perlu dibuat dan telah diusahakan oleh Syarikat Telekom Malaysia Bhd ialah perubahan sikap, pendekatan, pemikiran, mentaliti dan juga suasana sebuah jabatan Kerajaan kepada sebuah syarikat yang peka dan juga yang sensitif terhadap citarasa keperluan, kehendak masyarakat, pengguna dan juga pasaran dan perubahan sikap dan mentaliti sama ada di peringkat pengurusan ataupun di peringkat kakitangan adalah perlu untuk mewujudkan perkhidmatan telefon yang menyenangkan masyarakat dan pengguna-pengguna sama ada dari segi bekalan telefon, penggunaan telefon, pilihan terhadap telefon, layanan terhadap aduan, kecekapan teknikal dan perkhidmatan yang bersopan santun.

Mengenai perkara kedua, iaitu prestasi kewangan, semenjak 9 bulan yang pertama ini pendapatannya adalah sebanyak \$1,168 juta berbanding \$1,078.5 juta pada masa yang sama untuk tahun 1986. Dari segi keuntungan, pihak syarikat menjangka bahawa ianya akan menurun. Sebab-sebab ialah:

- (i) bayaran alihan atau ubahsuaian daripada Jabatan Telekom kepada Syarikat Telekom dalam bentuk kenaikan gaji, kos setem, bayaran perubatan, insurans, cukai dan lesen;
- (ii) perbelanjaan modal yang diperlukan untuk meningkatkan keupayaan membekalkan telefon kepada masyarakat; dan
- (iii) langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini yang pertama ialah untuk terus meningkatkan komitmen, disiplin kerja di kalangan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Ada sebaris lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** . . . kakitangan, menepati dengan harapan masyarakat.

Yang kedua, dari segi nisbah pengguna telefon dengan jumlah penduduk di Malaysia ini, nisbah di Malaysia ialah 7:100 dan nisbah ini perlu diperbaiki dengan cara membangunkan rangkaian tempatan, rangkaian suiz dan juga rangkaian jauh.

Akhir sekali ialah untuk meningkatkan teknologi komputer supaya perkhidmatan ini boleh diperbaiki sama ada dari segi masa ataupun maklumat yang lebih tepat yang cukup untuk faedah pengguna dan juga untuk faedah Syarikat Telekom itu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lebih daripada sebaris. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Minta maaf.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan supaya dapat meninggikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan tetapi malangnya selain daripada \$75.00 yang dikenakan untuk bayaran cagaran, ada pula bayaran yang baru sebanyak \$50,00 pula lagi di kenakan untuk pasang telefon sahaja.

Yang mana benda ini tidak berlaku sebelum ini. Jadi saya rasa perkara ini kurang baik sedikitlah kepada pelanggan-pelanggan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalannya?

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Kalau boleh . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kurang sedikit.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Kurangkanlah sedikit dan kalau boleh lagi baik dihapuskan langsung. Terima kasih.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Mengenai \$50.00 ini sebenarnya ialah warisan STM daripada JTM. Jadi, pihak Kementerian telah mengarahkan STM supaya ianya boleh memikirkan secara radikal apa yang perlu diubah kalau elok untuk masyarakat, untuk pengguna-pengguna boleh diubah. Ini adalah dalam rangka pemikiran di kalangan pegawai atasan STM.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di dalam rangka fikiran. (*Ketawa*)

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar taraf perkhidmatan kepada kawasan-kawasan luar bandar masih tidak memuaskan walaupun perkara ini telahpun dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mendapat tahu dengan STMB ini apakah tindakan-tindakan atau langkah-langkah positif yang akan diambil secepat mungkin untuk memperbaiki keadaan ini?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat merujuk kepada pondok telefon setiap tahun pihak STMB diwajibkan memenuhi obligasinya memperuntukkan satu jumlah untuk

membekalkan pondok telefon dan dari segi amalannya tidak kurang daripada \$7 juta setahun. Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat merujuk kepada bekalan telefon untuk disampaikan kepada setiap rumah maka usaha Syarikat Telekom ialah untuk menyambung seberapa banyak rangkaian tempatan dan suiz yang berkaitan dengannya supaya dari masa ke semasa kemudahan telefon itu akan sampai ke rumah masyarakat luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).*

#### **PUSAT LATIHAN BELIA DI SABAH**

**12. Datuk Kadoh Agundong** minta Menteri Belia dan Sukan menjelaskan adakah Kementerian beliau bercadang untuk membina satu Pusat Latihan Belia di Sabah untuk menampung para belia dari seluruh negara mendapatkan latihan asas, memandangkan pengambilan para belia dari Sabah dan Sarawak untuk memasuki pusat-pusat latihan seperti itu di Semenanjung begitu terhad sekali. Untuk makluman Menteri, Sabah amat memerlukan sekurang-kurang sebuah Pusat Latihan Belia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Belia dan Sukan belum lagi bercadang untuk membina sebuah Pusat Latihan Belia di negeri Sabah. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat mengenai perkara tersebut adalah baik dan Kementerian ini akan memberi perhatian yang sewajarnya untuk rancangan pada masa hadapan.

Berkenaan dengan pengambilan belia daripada Sabah dan Sarawak untuk memasuki pusat-pusat latihan, Kementerian ini sentiasa mengambil perhatian terhadap perkara tersebut. Sejak kebelakangan ini jumlah pengambilan pelatih dari negeri-negeri yang berkenaan telah ditambah dari segi kuota biasa.

#### **LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE CHINA**

**13. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Luar Negeri menjelaskan sejauh manakah hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Negeri China baru-baru ini terutama dari segi peningkatan perdagangan dan perhubungan diplomatik, apakah Timbalan Perdana Menteri membangkitkan masalah Parti Komunis Malaya semasa pertemuan dengan Pemimpin Negara China.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, hasil lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada 6hb hingga 13hb September, perlu dilihat dari konteks usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi dengan Republik Rakyat China. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bertemu dan berbincang dengan beberapa orang pemimpin RRC mengenai isu-isu yang tertumpu kepada hubungan dua hala sahaja.

Mengenai perdagangan, Naib Perdana Menteri RRC, Tuan Tian Jiyun telah menyuarakan hasrat Kerajaannya untuk memperkembangkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia. Jumlah perdagangan di antara kedua buah negara telah bertambah khususnya perdagangan terus sejak lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke RRC pada bulan November 1985.

Semasa lawatan tersebut, pucuk pimpinan RRC telah dimaklumkan mengenai harapan Malaysia agar RRC terus membeli bukan sahaja bahan-bahan mentah, bahkan juga barang-barang siap dan separuh siap dari Malaysia. Hasilnya, pihak RRC telah meminta agar kayu balak yang akan dieksport ke RRC diproses terlebih dahulu di Malaysia untuk Kemudahan pengangkutan. Pihak RRC juga telah menyuarakan keinginannya untuk terus mengimport hasil-hasil perhutanan, bahan-bahan mentah dan keluaran-keluaran lain.

Selain daripada itu, semasa lawatan ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menandatangani perjanjian perkapalan dengan Menteri Perhubungan RRC. Pihak RRC juga telah memberi jaminan kepada Malaysia untuk terus menghadkan eksport timahnya supaya tidak menjejaskan kepentingan negara-negara pengeluar di samping menghantar pemerhati ke mesyuarat-mesyuarat Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah. Jaminan yang sedemikian patut dialu-alukan tatkala harga timah di pasaran antarabangsa sedang mengalami kemelesetan.

Adalah jelas bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mendatangkan hasil yang menggalakkan dan membuka peluang yang lebih meluas kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk melibatkan diri di dalam pembangunan ekonomi RRC.

Saya cuma ingin menjelaskan di sini bahawa masalah Parti Komunis Malaya tidak disentuh semasa lawatan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Perkara ini telah dibincangkan sepenuhnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Republik Rakyat China pada bulan November 1985. Kerajaan RRC memang sedar bahawa Kerajaan Malaysia

memandang serius perkara ini malah Kerajaan telah juga menyampaikan kebimbangan kita terhadap isu ini dan bagaimana ianya telah menjejaskan hubungan dua-hala di antara Malaysia dan RRC.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah pandangan Kerajaan Negeri China kalau ada diperbincangkan semasa lawatan Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan kedudukan orang-orang China di seberang laut dan apakah ia dibincangkan dalam hubungan dan kaitan dengan masalah politik di Malaysia?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hanya tertumpu kepada masalah perdagangan dan ekonomi dua-hala sahaja. Masalah-masalah politik tidak diungkit.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar negara kita telah diberitahu oleh RRC bahawa hubungan di antara RRC dengan MCP (Malayan Communist Party) hanya dari segi protokol atas peringkat parti iaitu di antara parti sahaja dan dalam efektifnya tidak memberi apa-apa bantuan kepada MCP sama sekali? Kalau ini benar, adakah pihak Kerajaan Malaysia bertujuan untuk melaksanakan satu offensive baru iaitu economic diplomacy yang menekankan perkara ekonomi lagi daripada perkara politik dan ini akan bermaksud bahawa kita akan menggalakkan, meningkatkan hubungan dua-hala khususnya dalam perdagangan, perniagaan di antara RRC dan negara kita dan adakah dasar ini akan dilaksanakan ataupun akan ditimbangkan?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar dasar Kerajaan Malaysia sekarang ini ialah untuk mempereratkan perhubungan ekonomi dan perdagangan di antara Malaysia dan negara RRC. Sebab itu mengapa akhir-akhir ini terdapat ramai pemimpin-pemimpin kita telahpun pergi ke RRC dan juga pemimpin RRC datang ke Malaysia untuk mempereratkan lagi perhubungan dua-hala berkenaan perdagangan, ekonomi, sukan serta kebudayaan.

#### **GURU MENGHADAPI MASALAH "PSYCHIATRIC"**

**14. Tuan Abdol Mulok Awang Damit** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru sekolah yang menghadapi masalah "psychiatric" di seluruh negara. Apakah ianya mempunyai pertalian dengan kes-kes guru bertindak di luar peraturan mendisiplin murid dan apakah langkah-langkah yang diambil kepada mereka yang terlibat.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang laporan mengenai bilangan guru sekolah yang menghadapi masalah "psychiatric" di seluruh negara. Manakala kes-kes guru bertindak di luar peraturan mendisiplin murid yang terjadi, yang sebenarnya tidak ada pertalian dengan guru-guru yang menghadapi masalah "psychiatric". Walau bagaimanapun, mana-mana guru yang menghadapi masalah ini akan dirujuk ke hospital untuk mendapat rawatan yang sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 dan 15 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).*

#### **IMPORT BUAH-BUAHAN— MENGURANGKAN**

**11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan iaitu memandangkan Malaysia kaya dengan buah-buahan yang bermutu dari berbagai-bagai jenis rupa dan rasa apakah langkah yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan negara sekurang-kurangnya dapat mengurangkan jumlah import buah-buahan yang begitu tinggi setiap tahun. Untuk tujuan ini bagaimanakah sambutan satu usaha aktif yang perlu dijalankan oleh pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan kemajuan pembangunan industri buah-buahan tercapai.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan demi mengurangkan importnya serta meningkatkan eksportnya ialah seperti berikut:

- (a) Kementerian Pertanian telah mengenalpasti 15 jenis buah-buahan yang berpotensi iaitu pisang, betik, nanas, belimbing, tembikai, mangga, durian, nangka, rambutan, limau, duku, langsung, ciku, jambu batu, cempedak dan manggis yang akan dipergiatkan penanaman dan pengeluarannya.
- (b) Penanaman buah-buahan ini adalah dirancang secara teratur dengan mengenalpasti zon-zon penanaman berasaskan unsur agronomik dan kesesuaian tanah untuk menjamin pengeluaran yang optima. Berasaskan tindakan ini, 36 zon pengeluaran buah-buahan telah dikenalpasti. Bagi menjamin pengeluaran yang bermutu, penggunaan benih/klon yang

berhasil tinggi serta sistem pengendalian selepas tunai yang berkesan adalah diberi penekanan yang sewajarnya.

- (c) Menyediakan insentif/galakan-galakan tertentu untuk sektor pertanian secara keseluruhannya dalam mana pembangunan tanaman buah-buahan juga diutamakan.
- (d) Majlis Industri Buah-buahan Malaysia telah ditubuhkan baru-baru ini yang mana, ahlinya terdiri daripada wakil Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkenaan serta pihak swasta yang terlibat dalam semua peringkat pengeluaran perusahaan terdiri daripada wakil-wakil persatuan dan pihak berkaitan. Majlis tersebut akan mempergiat dan memesatkan perusahaan buah-buahan di negara ini secara bersepadu demi mengganti import serta meningkatkan eksport.

Kerajaan berharap dengan langkah-langkah yang dijalankan itu, pihak-pihak yang terlibat termasuk kalangan swasta tampil ke hadapan mencebur diri secara aktif di dalam pengusahaan tanaman buah-buahan secara komersial, menghasilkan buah-buahan yang berkualiti tinggi pada kos yang kompetitif untuk pasaran tempatan dan juga pasaran luar negeri.

#### TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

**15. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa Kerajaan tidak mengambil bahagian dalam perondaan bersama di kawasan perairan Filipina/Malaysia sebagaimana yang dicadangkan oleh bekas Menteri Luar Filipina Encik

Laurel, sebagai satu cara menyelesaikan tuntutan Filipina ke atas Sabah dan sama ada benar bahawa wujudnya penyeludupan senjata api yang bermaharajalela di antara Sabah dan bahagian Selatan Filipina. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan jenayah ini.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Malaysia mengalu-alukan hasrat Filipina untuk menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Pentadbiran Aquino nyata bersikap positif untuk mencari penyelesaian yang muktamad mengenai isu ini. Malaysia akan menyambut baik sebarang cadangan bentuk kerjasama dua hala Malaysia/Filipina setelah Filipina menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah.

Mengenai dakwaan bahawa wujudnya penyeludupan senjata api di antara Sabah dan bahagian Selatan Filipina, adalah tidak benar. Walau bagaimanapun terdapat kegiatan-kegiatan yang melibatkan penjenayah-penjenayah yang bersenjata di kawasan tersebut dan pihak Kerajaan memberi jaminan bahawa ianya dapat mengawal dan mengatasi masalah tersebut.

#### SIARAN TV DI DAERAH PENAMPANG

**16. Datuk Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sebab-sebabnya penerimaan siaran TV di kawasan Notorus/Babagon/Moyong dalam Daerah Penampang, Sabah kurang jelas dan sama ada sebarang langkah sedang diambil untuk membaikinya.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Daerah Penampang menerima isyarat TV dari Stesen Lawau Mandau dan Layang-layang. Tetapi oleh kerana bayangan gunung, penerimaan isyarat TV di

kawasan Notorus, Babagon dan Moyong adalah lemah. RTM telah membuat ujian penerimaan dan kajian kemungkinan untuk mendirikan stesen pemancar kuasa kecil (transposer) bagi kawasan tersebut. Usaha itu akan dijalankan bila peruntukan diperolehi.

Di samping itu RTM juga sedang menimbangkan penggunaan alat-alat yang lebih moden seperti TVRO untuk membolehkan penerimaan pemancaran terus dari setelit. Apabila ini dapat dilakukan nanti maka masalah gangguan penyiaran melalui hubungan microwave akan dapat diatasi dan penerimaan siaran TV di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak akan dapat ditingkatkan lagi.

#### **FELDA — SISTEM SAHAM DALAM RANCANGAN**

**17. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengapa Kementeriannya yang mengawal rancangan-rancangan tanah FELDA memaksa ke atas para peneroka FELDA satu sistem saham yang jelas melencung daripada cita-cita asal disebaliknya penubuhan FELDA iaitu FELDA akan memperuntukkan tanah kepada mereka yang tidak bertanah dan miskin. Satu 'sistem saham' tidak lebih daripada 'sistem commue' seperti yang dipraktikkan oleh negara-negara komunis dan ramai peneroka-peneroka FELDA telah mengadu bahawa apabila mereka ditemuduga untuk ditempatkan dalam sekim-sekim di mana akan diberi hakmilik tanah tetapi sebaliknya mereka pula ditempatkan dalam rancangan-rancangan tanah 'sistem saham' yang mirip sistem komunis yang akan dijadikan para peneroka itu sebagai hamba seumur hidup kepada FELDA.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Mulai 1hb Januari, 1985 Kerajaan memperkenalkan sistem saham dalam rancangan FELDA sebagai suatu sistem penyertaan di rancangan FELDA bagi menggantikan sistem hak milik persendirian dan sistem blok yang diamalkan sebelum ini. Pelaksanaan ini adalah bagi rancangan-rancangan FELDA yang baru dan yang menerima peserta pada pertama kali dan disyaratkan hanya kepada peneroka-peneroka yang memasuki rancangan selepas 1hb Januari, 1985. Syarat-syarat ini telah diberitahu kepada peneroka semasa mereka membuat permohonan dan menandatangani perjanjian kemasukan ke rancangan-rancangan. Oleh itu, mereka-mereka yang tidak bersetuju boleh membuat pilihan untuk tidak menyertai sistem ini. Objektif Kerajaan adalah untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan peneroka luarbandar melalui usaha-usaha pembangunan tanah. Objektif ini adalah telah dinyatakan di dalam Rancangan-rancangan Lima Tahun Pembangunan Malaysia. Berdasarkan objektif ini, pelaksanaan sistem saham tidaklah melencung daripada cita-cita asal sepertimana yang didakwa oleh Yang Berhormat berkenaan.

Kerajaan berpendapat, bila ia memperkenalkan sistem saham ini, ianya memberi munafaat yang lebih kepada peneroka berbanding dengan sistem blok dan sistem persendirian yang telah dikenalpasti mempunyai masalah-masalah tertentu. Antara kelemahan-kelemahan itu ialah, kekurangan kemampuan peserta untuk meningkatkan hasil ladang dan perbezaan pendapatan yang disebabkan oleh perbezaan keadaan lot ladang dan kerosakan tanaman yang disebabkan oleh bencana alam. Di samping itu amalan mengupah orang lain untuk mengusahakan lot-lot

ladang yang mengakibatkan pengeluaran hasil yang rendah serta perbezaan kemampuan peserta untuk menjelaskan hutang pembangunan yang disebabkan oleh perbezaan daya pengeluaran di antara seseorang peserta dengan yang lain, juga merupakan kelemahan pada sistem yang dulu.

Tujuan utama sistem saham adalah seperti berikut:

- (i) Membolehkan peserta menerima pendapatan yang saksama di mana pendapatan diperolehi dari sumber dividen, bonus dan upah kerja.
- (ii) Melindungi peserta dari kesan turun naik harga bahan utama seperti getah, sawit, koko, tebu dan lain-lain di pasaran antarabangsa ke atas pendapatan peserta.
- (iii) Mengelakkan beban kerosakan tanaman, sekiranya berlaku, dipikul oleh peserta tertentu sahaja.

Dakwaan Yang Berhormat berkenaan bahawa sistem saham tidak lebih daripada sistem "commune" seperti yang dipraktik di negara-negara komunis adalah tidak benar sama sekali, kerana di bawah sistem saham ini, peneroka-peneroka masih mempunyai hak ke atas ladang yang diusahakan itu. Hak ini tidak di dalam bentuk grant tetapi dalam bentuk saham. Di samping itu, pemegang-pemegang saham ladang diberi hakmilik ke atas tanah seluas  $\frac{1}{4}$  ekar untuk kawasan perumahan mereka.

Berhubung dengan peneroka-peneroka yang semasa ditemuduga akan ditempatkan dalam sekim hakmilik tanah tetapi dimasukkan di dalam rancangan sistem saham, perkara ini memang ada terjadi. Ini adalah disebabkan faktor masa. Mereka yang berkenaan di temuduga dalam tahun-tahun sebelum sistem saham diperkenalkan tetapi sebelum

mereka diambil, sistem-sistem lama telah dimansuhkan dan digantikan oleh sistem saham. Perkara ini adalah satu perkara yang patut diterima dengan sikap positif kerana tindakan Kerajaan tidak bertujuan menganiaya sesiapa tetapi sebaliknya adalah semata-mata untuk kebaikan peneroka sendiri yang boleh didapati melalui penyertaan dalam sistem saham ini.

### HOSPITAL UNIVERSITI— BAYARAN UBAT

**18. Dr V. David** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Universiti di Kuala Lumpur menghendaki pesakit-pesakit (in-patient), membeli ubat-ubatan mereka sendiri; jika maklumat ini betul, bagaimanakah janji Kerajaan memberi perkhidmatan kesihatan percuma kepada rakyat miskin dan yang tidak mampu membayar untuk mendapat rawatan perubatan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan dasar yang dilaksanakan sekarang di Hospital Universiti, ubat-ubat yang termasuk dalam senarai ubat-ubatan Hospital Universiti akan diberikan secara percuma kepada pesakit-pesakit dalam. Bagi ubat-ubat yang tidak disenaraikan, pesakit-pesakit dalam akan dikenakan bayaran. Walau bagaimanapun sukaiah dinyatakan bahawa bagi pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan khususnya rakyat miskin, Lembaga Pengurus Hospital telah memberikan kuasa kepada Pentadbiran Hospital untuk mengecualikan bayaran yang berkenaan.

### AKHBAR HARIAN, MINGGUAN DAN MAJALAH — JUMLAH

**19. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan berapakah jumlah besar akhbar harian, mingguan dan majalah-majalah bulanan yang diberi permit bagi tahun-tahun 1974-1980 dan dari 1980-1986 dan berapakah jumlahnya yang dibatalkan perमितnya dalam tempoh yang sama. Adakah benar apa yang dikatakan bahawa Kerajaan memberi kebebasan yang terlalu luas hingga menyebabkan berbagi-bagai pihak dan golongan membuat tohmah dan tuduhan tidak berasas hingga seolah-olah ada usaha dan seperti ada udang sebalik batu untuk menakutkan pelabur-pelabur asing di negara ini. Apakah usaha dan perancangan yang dibuat oleh Kerajaan bagi meletakkan perkara yang benar-benar itu di tempat benar dan yang buruk itu di tempat yang buruk jua.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Jumlah besar akhbar harian, mingguan dan majalah-majalah bulanan yang diberi permit bagi tahun-tahun 1974 hingga 1980 sebanyak 38 dan dari tahun 1980 hingga 1986 sebanyak 115. Dari tahun 1974 hingga 1980, sebanyak 9 permit penerbitan telah dibatalkan manakala 2 permit dibatalkan bagi tahun-tahun 1980 hingga 1986.

Memanglah Kerajaan sekarang mengamalkan sikap liberal dalam pesuratkhبران. Yang menjadi masalah bukanlah sikap liberal itu sendiri, tetapi masalah sebenarnya ialah sekarang terdapat pihak-pihak tertentu yang menyalahgunakan kebebasan itu. Pihak Kerajaan sentiasa mengawasi apa yang disiarkan oleh akhbar-akhbar. Jika sekiranya mereka melampaui batasan serta bertindak secara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam, keselamatan negara, akhlak, kepentingan rakyat atau kepentingan negara, Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut undang-undang.

**SIARAN TV—MENYUSUN SEMULA PROGRAM**

**20. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa RTM asyik menyiarkan rancangan-rancangan yang senang memperansangkan nafsu pemuda-pemudi dan rancangan-rancangan yang berkontradik dengan nilai hidup ketimuran memandangkan bahawa baru-baru ini RTM (siaran TV) sering menyiarkan filem-filem atau gambaran dan idea yang menjolok mata serta mengagung-agungkan cara hidup mewah terutama sekali pemuda-pemudi (contohnya seperti siri filem yang dilakonkan oleh Marilyn Monroe, lagu dan imej yang dibawa oleh penyanyi Diana Ross dalam rancangan "Heart Light City", Siri "Lifestyle of the Rich & Famous" dan siri "Shogun Samurai" yang menonjolkan keganasan).

**Tuan Railey bin Jaffrey:** RTM pada masa ini sedang menilai dan menyusun semula program-program siarannya supaya lebih menepati keperluan masyarakat dengan menjaga dan mengembangkan nilai-nilai baik dan mulia sesuai dengan Kebudayaan Kebangsaan.

Ini bermakna bahawa rancangan-rancangan yang disiarkan sekarang dan di masa-masa yang lepas memang ada yang mengandungi unsur-unsur negatif seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana kebanyakan rancangan-rancangan yang disebutkan adalah berupa "canned programme" atau filem-filem yang diimport dari barat seperti filem "Heart Light City", "Lifestyle of the Rich & Famous" dan sebagainya. Filem-filem begini memang semakin dikurangkan penyiarannya untuk digantikan dengan filem-filem yang lebih membina dan meningkatkan unsur-unsur positif. Filem "Shogun Samurai" telah dihentikan tayangannya.

Mengikut jadual baru yang telahpun disusun, RTM akan berusaha untuk memperbanyakkan filem-filem terbitan tempatan. Kebelakangan ini tentulah sudah nyata bahawa usaha itu sedang dipertingkatkan walaupun RTM masih terpaksa menggunakan banyak dari filem-filem yang diimport dari luar negeri kerana RTM belum mempunyai keupayaan yang cukup untuk menerbitkan program-program tempatan seperti yang diinginkan. Belanja penerbitan juga amatlah tinggi berbanding dengan filem-filem yang dapat disewa dari negara-negara asing. Di masa ini hanya 55%-60% dari rancangan-rancangan di RTM 1 berupa rancangan tempatan, manakala selainnya adalah rancangan-rancangan dari luar negeri. Mengikut jadual baru RTM akan meningkatkan peraturan rancangan tempatan itu kepada 70%-80% dalam tahun 1988 nanti.

Disamping itu Kementerian Penerangan juga sedang memperketatkan "Kod Etika Penyiaran" supaya unsur-unsur kebudayaan yang tidak diingini dan pengaruh-pengaruh buruk dari barat akan dapat dihapuskan. Dengan adanya 'Akta Penyiaran' yang baru yang diharap akan diluluskan oleh Parlimen pada tahun ini, Kementerian Penerangan akan dapat bertindak dengan lebih tegas bagi memastikan pengawalan dan pengawasan yang lebih ketat terhadap siaran-siaran TV pada keseluruhannya.

### **MENANGKAP IKAN DI LAUT DALAM**

**21. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan, memandangkan usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai para nelayan menangkap ikan di laut dalam (deep-sea fishing) apakah tindakan positif yang berkesan yang diambil oleh Kerajaan supaya pengetahuan asas ilmu memandu (navigation skills)

diajar kepada pemandu-pemandu yang berlayar di laut dalam. Nyatakan bilangan pusat latihan perikanan dan pemanduan di seluruh negara mengikut negeri, sama ada dibiayai penuh ataupun tidak oleh Kerajaan (Centre for Fisheries and Nautical Studies).

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Institut Perikanan Malaysia Pulau Pinang menawarkan kursus-kursus peningkatan kepada nelayan-nelayan seluruh Malaysia.

Jenis-jenis kursus ialah:

Kursus Jeragan selama 5 bulan

Kursus Pekerja Enjin selama 5 bulan

Kursus Teknologi Peralatan Perikanan selama 5 bulan

Kursus-kursus peningkatan bertujuan menyediakan nelayan-nelayan untuk menangkap ikan di laut dalam.

Ilmu Pelayaran (navigation skills) dilatih dalam Kursus Jeragan.

Pusat yang menawarkan kursus ini hanya di Institut Perikanan Malaysia Pulau Pinang dan ianya dibiayai penuh oleh Kerajaan. Institut ini mempunyai satu cawangan di Kuala Terengganu yang menawarkan kursus-kursus pendek selama 3 minggu dalam Ilmu Asas Pelayaran dan Penyelenggaraan dan Pengendalian Enjin. Semua kursus-kursus ini telah mula ditawarkan pada tahun 1983.

### **KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH — PELAKSANAAN**

**22. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) akan dilaksanakan dan diperluaskan ke seluruh Malaysia. Sudahkah semua aduan dan pendapat orang pendidik dan orang ramai diberi perhatian oleh Kementerian dalam

penyemakan KBSM asal. Adakah bahasa-bahasa ibunda diberi keutamaan dan tidak diketepikan semacam sekarang.

**Tuan Woon See Chin:**

- (1) KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) akan dilaksanakan di seluruh negara secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1988. Pada tahun 1988, empat matapelajaran bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil akan mula diajar di peringkat kelas peralihan dan Tingkatan Satu. Mata-mata pelajaran lain akan dimulakan mulai tahun 1989.
- (2) Segala pendapat dan pandangan daripada berbagai pihak telah diambil perhatian di dalam perancangan dan penyemakan serta pengubalan KBSM.
- (3) Mengikut Akta Pelajaran 1961 tidak terdapat istilah Bahasa Ibunda. Sekiranya yang dimaksudkan sebagai bahasa-bahasa Ibunda ialah Bahasa Cina/Tamil sebagaimana yang diperuntukan dalam Akta 1961 maka Sukatan Pelajaran bagi matapelajaran bahasa-bahasa ini telah diperkemas untuk pelaksanaan.
- (4) Kementerian Pendidikan tidak pernah mengeneipkan pelajaran Bahasa Cina dan Tamil di sekolah-sekolah sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**HASIL LAWATAN PERDANA  
MENTERI KE BRITAIN DAN  
SOVIET UNION**

**23. Tuan Haji Nik Abdullah Haji Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau setuju bahawa kunjungan ke Britain dan Soviet

Union baru-baru ini gagal untuk menarik pelaburan dan lain-lain matlamat kunjungan. Kalau tidak, apakah kejayaan positif yang telah dicapai: dan

- (b) mengapakah kunjungan ke Soviet Union dibuat sedangkan Afghanistan terus diduduki oleh tentera Soviet Union, ketika Hari Raya Idil Adha, dan semasa berlangsungnya sidang Raja-raja di Kota Bharu.

**27. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasilnya yang tercapai dalam lawatannya ke England kepada bulan Julai tahun ini dan sama ada beliau berbincang dengan golongan kewangan di sana atas perkara kemungkinan pembinaan Lebuhraya Selatan Utara serta sama ada lawatan ini menunjukkan sikap keras Perdana Menteri kepada England telah berubah.

**32. Tuan Muhamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah lawatannya ke Britain baru-baru ini boleh memberi jaminan terhadap peningkatan pelabur-pelabur British di Malaysia dalam masa yang singkat, sedangkan Malaysia telah mengumumkan dasar "BUY BRITISH LAST" pada Oktober 1981. Tidakkah langkah seumpama itu akan menjejaskan moral dan maruah negara Malaysia.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Jawapan bagi soalan ini serta soalan-soalan No. 27 dan 32 telah saya sampaikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 12hb Oktober, 1987.

**KOMPLEK SUKAN DI NEGERI-  
NEGERI**

**24. Datuk Kadoh Agundong** minta Menteri Belia dan Sukan menjelaskan

adakah Kementerian Beliau mempunyai rancangan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk pembinaan kompleks-kompleks sukan sebagai langkah mempercepatkan lagi peningkatan mutu sukan di Malaysia.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Kementerian Beliau dan Sukan sememangnya mempunyai rancangan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri untuk pembinaan kompleks-kompleks sukan sebagai langkah mempercepatkan lagi peningkatan mutu sukan di Malaysia. Walau bagaimanapun, dari segi perlaksanaannya, projek-projek yang dirancang buat masa ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya memandangkan kepada ekonomi negara yang menghadapi zaman kemelesetan.

### SEKOLAH MENENGAH BERASRAMA DI SIPITANG

**25. Datuk Kadoh Agundong** minta Menteri Pendidikan menjelaskan adakah Kementerian beliau bercadang untuk menambahkan bilangan sekolah menengah yang berasrama di daerah Sipitang. Buat masa ini hanya terdapat sebuah sekolah menengah berasrama iaitu SMK Pengiran Omar Sipitang.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan belum lagi bercadang membina sebuah lagi Sekolah Menengah Berasrama di daerah Sipitang.

### WARAN BONGKAR YANG DIKELUARKAN

**26. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kehakiman untuk menyatakan sama ada Kementerianya sedar bahawa banyak Waran Bongkar telah dikeluarkan oleh pihak penyaluran

atau wakil hakcipta program video jika sedar terangkan:

- (a) berapa waran bongkar telah dikeluarkan untuk serbuan kepada pusat-pusat video hingga setakat ini mengikut negeri masing-masing;
- (b) berapa waran bongkar pusat-pusat video di dapati mengandungi maklumat-maklumat yang tidak lengkap dan palsu; dan
- (c) apakah tindakan akan dikenakan kepada pihak yang salahgunakan Waran Bongkar.

### Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

- (a) Jumlah Waran Bongkar untuk serbuan yang dikeluarkan oleh mahkamah kepada pihak Polis bagi tahun 1987 (dari Januari hingga Ogos 1987) mengikut negeri ialah:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Waran Bongkar Yang Dikeluarkan</i>
(i) Kedah/Perlis .. ..	13
(ii) Pulau Pinang .. ..	39
(iii) Perak .. ..	32
(iv) Selangor/Kuala Lumpur	47
(v) Negeri Sembilan .. ..	5
(vi) Melaka .. ..	10
(vii) Johor .. ..	17
(viii) Pahang .. ..	11
(ix) Kelantan .. ..	—
(x) Terengganu .. ..	—
(xi) Sabah .. ..	—
(xii) Sarawak .. ..	—
	174

- (b) Mahkamah membuat kajian yang teliti sebelum sesuatu Waran Bongkar dikeluarkan

dan setakat ini tiada kes yang menunjukkan maklumat yang diberikan itu palsu.

- (b) Setakat ini tiada pihak yang telah menyalahgunakan Waran Bongkar yang dikeluarkan oleh mahkamah. Bagi sesiapa yang menyalahgunakan Waran Bongkar, tindakan di bawah Seksyen 182, Kanun Kesiksaan boleh diambil terhadapnya.

(Soalan No. 27. Sila lihat jawapan No. 23).

#### RUANG ANGKASA MALAYSIA— PERCEROBOHAN

**28. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pertahanan menjelaskan kenapakah berlakunya pencerobohan ruang angkasa Malaysia oleh pesawat tentera Indonesia di Selat Melaka awal Ogos, 1987 yang lalu:

- (a) apakah motif disebalik pencerobohan ini;
- (b) tidakkah Malaysia mempunyai perjanjian pertahanan dengan Indonesia dan kerjasama yang baik antara ATM dengan TNI. Kenapa berlaku pencerobohan;
- (c) adakah Malaysia akan mengambil tindak balas tentang pencerobohan itu; dan
- (d) apakah penyelesaian yang telah dibuat dengan TNI dalam perkara ini.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj):** Jawapan kepada soalan a, b, c, dan d adalah seperti berikut. Memandangkan ruang angkasa di Selat Melaka adalah sempit, maka kehadiran pesawat tentera asing itu berkemungkinan disebabkan tidak sengaja kerana kesilapan panduarah. Kehadiran tersebut bukanlah sebagai satu pencerobohan yang boleh dianggap

boleh mengancam keselamatan negara. Kejadian ini telahpun dibawa kepengetahuan pihak berkuasa dan telah diselesaikan.

#### PERUNTUKAN KEWANGAN RURAL ELECTRIFICATION SCHEME DI SIBU

**29. Tuan Tieu Sung Seng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah peruntukan kewangan RES (Rural Electrification Scheme) untuk tahun 1987 bagi Negeri Sarawak dan apakah bahagiannya telah atau akan diperuntukan bagi kawasan Sibu.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Soalan yang sama daripada Yang Berhormat Tuan Tieu Sung Seng telahpun dijawab dalam Dewan yang mulia ini pada 12-3-1987 yang lalu.

Sepertimana yang dinyatakan dalam jawapan tersebut peruntukan yang akan disediakan adalah tertakluk kepada 'ceiling' peruntukan sebenar Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang dapat disediakan oleh Kerajaan.

Oleh kerana keadaan ekonomi negara yang tidak menggalakkan, dalam kajian semula 'ceiling' peruntukan RML, Kerajaan hanya dapat menyediakan peruntukan sebanyak \$30.0 juta sahaja untuk program bekalan elektrik luar bandar bagi Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$8.1 juta telahpun diberikan kepada kawasan Sibu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, 'ceiling' peruntukan ini telahpun habis dibelanjakan pada tahun 1986.

#### CUKAI JALAN BAGI LORI DAN KENDERAAN

**30. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab apakah cukai lori dan kenderaan perniagaan yang dikenakan

dalam Negara kita begitu jika dibandingkan dengan negeri Singapura. Sebagai contohnya kenderaan lori di negara kita dikenakan cukai sebanyak \$330 satu bulan manakala di Negeri Singapura hanya \$10 satu bulan. Adakah beliau sedar cukai kenderaan perniagaan apa-apa pun akhirnya kena dibayar oleh rakyat jelata dan bukan oleh peniaga sahaja dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membaiki keadaan tersebut.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Penetapan kadar Lesen Kereta Motor atau cukai jalan bagi lori dan kenderaan perdagangan yang lain adalah dibuat berdasarkan kepada tujuan dan prinsip-prinsip yang tertentu di negara masing-masing. Di negara ini, Kerajaan telah menetapkan suatu jadual Lesen Kereta Motor yang terperinci bagi tiap-tiap jenis kenderaan berdaftar yang dilesenkan, berdasarkan kepada rangkaian dan keadaan jalan-jalanraya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, serta tujuan dan cara pungutan hasil daripada bayaran itu dibuat.

Di Singapura pula, kadar bayaran cukai jalan bagi lori dan kenderaan perdagangan mereka adalah ditetapkan atas tujuan, prinsip dan faktor-faktor yang berlainan. Rangkaian jalan di Singapura lebih pendek dan penetapan kadar lesen dibuat mengikut sistem pendaftaran dan pelesenan yang berbeza.

Oleh yang demikian, adalah kurang adil untuk membandingkan perkara bayaran cukai jalan di Malaysia dengan Singapura.

Sebagai contoh, sebuah lori yang beratnya tidak lebih dari 3 tan di Singapura dikenakan bayaran tetap (Flat Rate) sebanyak \$300 (berenjin petrol) dan 1,000 (berenjin disel) setahun, manakala di Malaysia, kadar

cukai jalan yang dikenakan adalah berbeza-beza berdasarkan berat dengan muatan (BDM) sesebuah kenderaan itu. Dalam hubungan ini, di Semenanjung Malaysia, bayaran cukai jalan bagi kenderaan perdagangan Kurang dari 3 tan adalah di antara \$38 hingga \$563 (berenjin petrol) dan antara \$270 hingga \$1,613 (berenjin disel) setahun sedangkan di Sabah kadar bayaran yang dikenakan ialah di antara \$234 hingga \$645 (petrol/disel dikenakan kadar yang sama) setahun, manakala di Sarawak pula ianya adalah di antara \$100 hingga \$300 (petrol/disel dikenakan kadar yang sama) setahun.

Saya dukacita maklumat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu adakah kurang tepat dan mengelirukan. Contoh yang saya sebut tadi membuktikan bahawa pada keseluruhannya, bayaran cukai jalan di negara kita tidaklah tinggi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi seperti yang kita alami sekarang, Kerajaan tidak berniat untuk menambah beban kos pengangkutan kepada rakyat.

## PENTADBIRAN FELDA

**31. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mendemokratikkan proses membuat keputusan dalam rancangan-rancangan FELDA untuk memastikan wakil-wakil Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Rancangan mendapat keyakinan para peneroka serta mengurangkan nisbah antara pegawai-pegawai FELDA dan peneroka-peneroka FELDA untuk memastikan komuniti viable dan berjaja gotong royong (self-help communities) dapat diwujudkan di rancangan-rancangan FELDA.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran FELDA di peringkat rancangan dianggotai oleh pengurus, serta di antara 10 - 15 orang kakitangan ladang. Pada dasarnya mereka ini bertugas dan bertanggungjawab untuk memastikan hal-hal yang berkaitan dengan kerja-kerja pertanian, pengurusan ladang, hal kewangan, dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran FELDA adalah diuruskan dengan teratur dan mengikut garis panduan yang ditentukan. Ini perlu dibuat untuk menjamin kemajuan urusan ladang dan pentadbiran dilaksanakan dengan sempurna.

Bagi menguruskan hal ehwal peneroka, pengurus rancangan adalah digalakkan mengadakan perbincangan dan perhubungan yang baik dengan ketua-ketua peneroka.

Bagi menggalakkan penglibatan peneroka sendiri dalam pengurusan dan pentadbiran hal ehwal masyarakat, maka telah ditubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) di semua rancangan FELDA yang telah berpeneroka. JKKR ini telah mula diwujudkan dalam tahun 1967. Struktur dan peranannya adalah menyerupai struktur dan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong yang terdapat di luar daripada rancangan FELDA. Ahli JKKR ini adalah terdiri daripada ketua-ketua peneroka yang dipilih daripada kalangan peneroka sendiri. Selain daripada itu, wakil-wakil daripada Badan-badan Peneroka seperti Syarikat Kerjasama, Persatuan Belia, Persatuan Wanita dan Wakil Guru Besar. Untuk memastikan JKKR ini dapat berjalan dan diawasi dengan sempurna maka pengurus rancangan buat masa ini adalah ditugaskan menjadi pengerusi kepada JKKR. Inilah proses menggalakkan penglibatan dan penyertaan peneroka

dalam badan-badan yang melibatkan hal-ehwal masyarakat dapat dilaksanakan.

Ketua-ketua Peneroka yang menjadi ahli-ahli JKKR ini diberikan latihan kepimpinan dengan cara-cara yang sesuai bagi menjalankan tugas masing-masing. Mereka juga diberi peluang untuk mentadbirkan JKKR dan mengemukakan perkara-perkara yang menjadi masalah kepada peneroka untuk disampaikan kepada pihak pengurusan.

Melalui JKKR ini, pentadbiran rancangan dapat menyelesaikan masalah-masalah dan juga mengadakan perbincangan mengenai program-program yang perlu dijalankan untuk faedah dan kepentingan peneroka sendiri. Organisasi JKKR ini seterusnya diwujudkan di peringkat Wilayah iaitu di antara gabungan 10-15 buah rancangan dan juga di peringkat nasional yang dipanggil Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP). Ahli ahli JKPP ini dilantikkan juga menjadi ahli Lembaga FELDA dan juga ahli Lembaga Perbadanan-perbadanan FELDA dan dengan cara ini dapatlah pentadbiran dan wakil-wakil peneroka bekerjasama membincangkan dan mengaturkan kegiatan-kegiatan yang penting untuk faedah masyarakat rancangan. Wakil ketua peneroka di peringkat Lembaga ini telah pun diwujudkan semenjak tahun 1977 lagi.

Daripada bilangan 22,767 ini, 8,304 (36.47%) adalah kakitangan FELDA, manakala seramai 14,463 orang lagi adalah kakitangan Perbadanan dan Syarikat-syarikat Usahasama. Kakitangan FELDA dibayar gaji dari peruntukan Kerajaan, manakala kakitangan Perbadanan dan Syarikat-syarikat Usahasama dibayar dari sumber dalaman mereka sendiri. Peneroka tidak dikenakan apa-apa potongan untuk membayar gaji kakitangan Kumpulan FELDA

Dari 22,767 orang ini hanya kakitangan FELDA yang berjumlah 8,304 (36.4%) ini berurus secara langsung dengan masyarakat peneroka. Bilangan masyarakat peneroka di rancangan-rancangan FELDA termasuk isteri dan anak-anak berjumlah lebih dari 620,000 orang. Ini bermakna untuk setiap kakitangan FELDA terdapat 75 orang masyarakat peneroka dan bukan 5 orang. FELDA juga sehingga ini telah memajukan seluas 758,348 hektar atau 1.8 juta ekar tanah. Ini bermakna tiap-tiap kakitangan FELDA itu mengawasi juga ladang seluas setidaknya 200 ekar seorang.

Perlu juga disebutkan bahawa FELDA amat menyedari tentang kedudukan ekonomi negara dan kewangan Kerajaan. Sejak tiga tahun yang lalu tidak ada pertambahan kakitangan diambil sunguhpun kawasan pembangunan bertambah lebihkurang 80,000 hektar tiap-tiap tahun. Ini bermakna setiap kakitangan terpaksa memikul tanggungjawab yang kian bertambah.

*(Soalan No. 32. Sila lihat jawapan No. 23).*

## USUL

### AKTA ACARA KEWANGAN 1957

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran-butiran baru seperti berikut:

“Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia”; dan “Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut” . (13hb Oktober, 1987).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Marang sudah habis berucap? Baik. Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

3.35 ptg.

**Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk meminda serta menambah butiran-butiran baru iaitu “Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia”; dan “Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut”.

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang mempunyai pandangan jauh serta pandangan berat terhadap kedudukan belia-belia di negara ini. Mungkin suatu kesedaran yang timbul melihat bahawa masa depan negara adalah bergantung di tangan belia. Maka strategi daripada pindaan kepada Akta Acara Kewangan 1957 ini adalah memperlihatkan satu strategi untuk mewujudkan belia berdikari di negara kita.

Walaupun ia telah diperkatakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya. Saya ingin membuat beberapa pandangan mengenai usul ini. Pertama, saya ingin menyebut mengenai masalah jumlah wang yang telah diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini — dikatakan bahawa jumlahnya ialah \$3 juta. Pada pandangan saya, jumlah \$3 juta ini adalah merupakan satu jumlah yang terlalu kecil kalau dibandingkan dengan bilangan belia yang ada di negara kita. Dikatakan bahawa belia di negara kita ini adalah merupakan lebih kurang 40% daripada jumlah penduduk seluruhnya. Maka jumlah sebanyak \$3 juta yang diperuntukkan

ini tidaklah akan dapat memberi apa-apa makna dan erti kepada strategi untuk mewujudkan belia berdikari. Oleh itu adalah disyorkan supaya jumlah \$3 juta ini diberi pertimbangan, dikaji semula.

Dikatakan juga bahawa jumlah belia yang menganggotai badan-badan belia seluruh negara adalah berjumlah 1.5 juta. Maka kalau 1.5 juta orang ini diambil kira sebagai suatu usaha untuk mewujudkan belia berdikari, \$3 juta ini tentulah tidak mempunyai apa-apa makna. Oleh sebab itu saya mengharapkan supaya Kerajaan mengkaji kedudukan ini supaya Kerajaan tidak akan dituduh kelak oleh masyarakat, oleh rakyat jelata sebagai hanya mewujudkan daripada tidak ada, mewujudkan Tabung Wang Amanah ini, hanya sekadar untuk melepaskan batuk di tangga sahaja.

Maka oleh sebab itu kalau kita ingin dan kita memerhati serta kita merasakan bahawa masa depan negara ini bergantung di tangan belia dan mereka ini merupakan kumpulan yang terpenting di dalam menentukan arah serta pembangunan negara di masa hadapan, maka saya kira biarlah pelaburan, peruntukan yang diberikan itu satu peruntukan yang besar, yang boleh kita laksanakan sesuatu untuk pembangunan belia. Maka kalau peruntukannya kecil, tentulah ianya tidak ke mana. Maka Kerajaan haruslah berwaspada dalam soal ini supaya pemikiran penumpuan perancangan itu akan mendatangkan satu hasil yang baik, satu hasil yang berguna untuk masa akan datang tetapi ianya tentulah bergantung kepada satu tabung yang mempunyai jumlah kewangan yang besar. Maka saya mendesak pihak Kerajaan memikirkan jumlah kewangan yang telah diperuntukkan itu.

Yang kedua, ialah mengenai soal umur. Di dalam penerangan yang

diberikan oleh yang berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa tabung ini memperuntukkan untuk belia di antara umur 18 tahun hingga 30 tahun. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah definisi yang beliau pakai, yang beliau gunakan di dalam mentakrifkan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia? Jikalau beliau mentakrifkan beliau itu di antara golongan yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun, maka lojikkah kalau ia menghadkan sebagai kumpulan yang berhak untuk mendapat faedah daripada Kumpulan Wang Amanah ini. Tetapi kalau beliau tidak mempunyai definisi yang khusus daripada umur 18 hingga 30 tahun, maka hendaklah beliau menggunakan satu definisi yang conventional iaitu dikatakan bahawa umur belia ini antara 15 tahun sehingga 40 tahun, maka tidak ada lojiknya untuk menghadkan umur di antara 18 hingga 30 tahun. Maka saya juga ingin menyarankan supaya had umur ini dibuka mengikut definisi belia yang telah diterima oleh masyarakat kita. Saya bimbang kalaulah kita menghadkan umur 19 hingga 30 tahun, maka kita telah mengkatégorikan telah mengkotakkan satu kumpulan manusia yang hanya berumur 18 tahun hingga 30 tahun sahaja sebagai golongan belia, sedangkan masyarakat kita menerima erti belia itu di antara 25 hingga 30 tahun. Maka tentulah ianya menjadi satu diskriminasi. Maka tujuan yang baik ini akan memandangkan satu perkara yang tidak baik kemudiannya. Maka dengan sebab itulah saya sarankan sekali lagi supaya umur orang yang berhak ataupun yang boleh menerima faedah daripada Kumpulan Wang Amanah ini diluaskan mengikut definisi belia sebagaimana yang telah diterima oleh Masyarakat kita.

Perkara yang ketiga, ialah mengenai kelulusan. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan

bahawa mereka yang boleh mendapat faedah daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia ini terdiri daripada mereka yang berkelulusan SRP ke bawah. Saya bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Marang yang bertanya bagaimana kedudukan mereka yang berkelulusan SPM, bagaimana kedudukan mereka yang mempunyai STPM, bagaimana kedudukan mereka yang keluar daripada universiti? Mereka juga golongan belia sebagaimana definisi yang telah saya sebutkan tadi. Maka apabila kita menghadkan kumpulan orang yang mempunyai sijil SRP sahaja yang berhak, maka di mana keadilan kepada mereka yang mempunyai SPM, mereka yang mempunyai STPM, mereka yang berkelulusan universiti. Kerana buat masa sekarang masalah pengangguran yang begitu gawat sehingga sampai jumlah 500,000 orang yang tidak mempunyai peluang pekerjaan, maka tabung ini haruslah mempunyai pemikiran untuk menyelesaikan sebahagian daripada masalah runding yang sedang dihadapi oleh golongan belia. Maka sudah sememangnya kalau kita ingin menyelesaikan masalah belia, walaupun kita tidak dapat menyelesaikan semua sekali masalah itu, sekurang-kurangnya sebahagian daripada masalah itu dapat diselesaikan. Maka saya syorkan supaya SRP ke bawah ini tidak menjadi syarat untuk mereka mendapat faedah daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini.

Yang keempat, saya ingin menyatakan bahawa walaupun kita menyediakan Kumpulan Wang Amanah ini dan kita memberikan pinjaman, modal pusingan kepada mereka yang ingin menjadi usahawan, mereka yang ingin menjalankan perniagaan ataupun pertanian dan sebagainya, saya kira latihan, kursus, pengetahuan itu haruslah merupakan

pra syarat. Maka sewajarnya tidak bolehlah dibebaskan siapa sahaja yang hendak menjalankan perniagaan, siapa sahaja yang hendak menjalankan kerja-kerja sebagai usahawan ataupun sebagai petani, maka terus diberi pinjaman daripada tabung ini. Saya kira itu satu cara yang tidak munasabah. Maka Kementerian Belia dan Sukan yang telah diamankan untuk mentadbirkan Kumpulan Wang ini seharusnya mengambil langkah untuk menyediakan kumpulan belia yang akan menerima faedah daripada tabung ini dengan satu kemahiran, satu pengetahuan asas, sebelum mereka diberi pinjaman. Kalau pengetahuan asas ini tidak dapat diberikan, saya bimbang keghairahan untuk berniaga, keghairahan untuk menjadi usahawan yang meluap-luap di kalangan belia itu akan menemui kehampaan, akan menemui kekecewaan kerana dalam bidang perniagaan dan pertanian ini tidak boleh dijalankan secara sewenang-wenangnya dan sebegitu sahaja tanpa pengetahuan.

Maka dengan sebab itu untuk menjayakan maksud dan matlamat yang telah dinyatakan daripada Kumpulan Wang Amanah ini, seharusnya memiliki satu program latihan, sama ada program latihan itu untuk jangka masa yang pendek atau jangka masa yang panjang. Maka bagi mereka yang mungkin mempunyai satu tujuan perniagaan yang mempunyai daya maju yang tinggi, maka seharusnya pula jumlah pinjam itu dibesarkan berbanding dengan satu bentuk perniagaan yang dikira tidak mempunyai ataupun sesuatu yang dilihat sebagai potensinya kurang, maka seharusnya jumlah itu dkecilkan mengikut proportion, dengan izin, sebagaimana yang difikirkan patut.

Yang akhirnya, ialah mengenai masalah pembayaran balik kepada tabung pusingan ini. Saya ingin

mengingatkan Kementerian Kewangan supaya tabung ini tidak akan menjadi satu tabung kebajikan. Sebagaimana yang kita telah lihat daripada pengalaman-pengalaman yang lepas, bahawa ada kumpulan belia, misalnya, Tabung Belia Niaga, kalau tidak silap saya, daripada jumlah lebih daripada \$30 juta yang dipinjamkan hanya \$2 juta sahaja yang dapat dibayar balik. Maka saya mengharapkan supaya Kerajaan dapat memikirkan satu cara bagaimana mendapatkan pembayaran balik kepada pinjaman yang dikeluarkan daripada tabung ini akan dapat dilaksanakan dengan sempurna oleh kerana tabung ini mempunyai satu jumlah kewangan yang terhad, maka tentulah ianya kalau tidak dapat dibayar balik oleh orang-orang yang meminjam, orang yang mendapat faedah daripada tabung ini tentulah ianya akan menggagalkan cita-cita dan matlamat tabung ini sendiri, tambahan pula tentulah ia akan merampas hak bagi belia-belia yang lain yang ingin meminjam seterusnya ataupun berikutnya kerana kalau ini yang berlaku, maka sudah tentulah ianya tidak mempunyai apa-apa erti dan makna. Maka tentulah pula kalaulah kegagalan di dalam penguatkuasaan untuk mengutip balik atau pembayaran balik kepada tabung ini tidak berlaku, maka tentulah ianya merupakan satu kerja yang sia-sia sahaja.

Maka dengan sebab itu, saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan memikirkan bagaimana cara untuk melaksanakan skim ini dengan cara yang berkesan, berkesan dalam erti mencapai tujuan serta matlamat yang telah dihasratkan oleh Kerajaan, dan Yang kedua, untuk menghidupkan tabung ini sebagai suatu tabung pusingan di mana bayaran balik kepada tabung ini berlaku dalam bentuk yang sempurna.

Saya kira itulah sahaja pandangan yang dapat saya berikan sebagai

pandangan ringkas kepada cadangan atau usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.52 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan atas Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menubuhkan satu "Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia" dan bersabit dengan perbincangan saya atas Usul ini, saya ingin menyampaikan secara ringkas beberapa pandangan saya atas perkara ini.

Saya berpendapat bahawa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang akan ditubuhkan kelak, yang sebenarnya merupakan satu langkah yang positif, yang boleh menyelamatkan para belia di negara kita dari hidup terbiar dan menganggur kepada satu peluang kehidupan yang lebih baik dan menjamin masa depan mereka. Oleh kerana itu, saya harus menyatakan sokongan saya terhadap penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini yang sepatutnya diwujudkan lebih awal lagi sebelum keadaan pengangguran belia menjadi bertambah serius yang merunsingkan pihak kita.

Kumpulan Wang Amanah ini sepertimana yang telah saya katakan tadi merupakan satu tabung wang yang tersendiri bagi pembangunan ekonomi para belia dan boleh dianggap sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah ekonomi belia meskipun peruntukan yang disediakan hanya berjumlah \$3 juta sahaja.

Satu masalah pokok yang saya ingin mengambil kesempatan untuk menghuraikan di sini ialah masalah

yang dihadapi oleh para belia yang utama pengangguran akibat peluang-peluang pekerjaan yang berkurangan, kerana kemelesetan ekonomi negara dan oleh kerana ini belia-belia menghabiskan masa mereka dalam kegiatan-kegiatan yang tidak begitu menguntungkan ataupun kegiatan yang tidak sihat. Para penganggur belia ini semakin serius kerana golongan terpelajar, para graduan yang tidak berjaya mendapatkan pekerjaan semakin ramai yang meliputi dari berbagai kaum. Ini sudah menjadi satu masalah sosial yang boleh dikatakan membebankan masyarakat dan negara kita. Peluang-peluang untuk mereka berdikari bukan mudah didapati, umpamanya peluang-peluang untuk mereka menceburkan diri dalam sektor perniagaan ataupun sektor perindustrian, dan jika mereka merancang untuk memulakan perniagaan sendiri mereka menghadapi ketiadaan modal bagi memulakan perniagaan

Satu jalan yang ada ialah mereka terpaksa memohon pinjaman daripada Institusi Kewangan yang ada dan jalan ini bukanlah mudah atau senang diperolehi kerana bank-bank perniagaan ataupun institusi-institusi kewangan yang berkenaan kerap menolak permohonan mereka dengan memberi berbagai alasan. Dan salah satu daripadanya ialah perniagaan belum dijalankan oleh para belia yang berkenaan dan mereka tidak ada pengalaman dalam bidang yang diceburi dan sebagainya. Maka dengan penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini, maka peluang untuk para belia berdikari terbuka luas dan hanya beberapa langkah tertentu perlulah diambil supaya Kumpulan Wang ini dapat mencapai objektifnya.

Saya ingin mengesyorkan di sini bahawa pihak Kerajaan haruslah memastikan dalam menguruskan Kumpulan Wang Amanah ini bahawa syarat-syarat untuk mendapatkan

pinjaman oleh belia yang berkenaan haruslah longgar dan tidak begitu ketat seperti bank-bank perniagaan.

Pinjaman haruslah dibuka kepada semua belia tanpa mengira kaum dan Kerajaan jangan meletakkan sepertimana yang tadi saya katakan syarat-syarat yang ketat yang menyulitkan pihak yang berkenaan untuk mendapatkan pinjaman.

Satu perkara yang saya ingin menyentuh di sini, apabila saya hendak mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap dengan penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini, maka pihak Kerajaan dapat memastikan bahawa suatu mekanisma dapat direka, dapat dilaksanakan dengan tujuan untuk memastikan bahawa Kumpulan Wang Amanah ini dapat diuruskan dengan cara yang betul, dengan cara yang cekap agar objektifnya dapat dicapai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pagoh.

*3.58 ptg.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran-butiran baru seperti berikut:

· “Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia”; dan

“Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut”.

Tuan Yang di-Pertua, tenaga belia seramai lebih daripada 6 juta orang di negara ini adalah merupakan tenaga raksasa. Kalau tenaga ini dapat dimanfaatkan dengan penggunaan

secara yang dinamik dan maksima sudah tentulah ia akan menjadi sumber positif dan produktif serta menguntungkan negara. Tujuan pengwujudan Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini adalah sangat murni dan baik. Kita amat mengharapkan sumbangan belia hari ini bagi sama-sama meningkatkan ekonomi negara. Kita semua ingin melihat belia-belia mampu berdikari dengan menjadi golongan yang sentiasa berdaya maju dalam bidang keusahawanan dan pertanian. Program ini saya yakin akan dapat membantu Kementerian Belia dan Sukan mencapai matlamat pembangunan belia iaitu menjadikan masyarakat belia yang mempunyai kemahiran teknik berniaga, sihat, berdikari, produktif dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, usaha bagi mewujudkan lebih ramai golongan belia niaga termasuk peniaga kecil dan belia peladang patut diteruskan, lebih-lebih lagi dalam masa kita menghadapi lebih tenaga mahir dan profesional dan pengangguran. Langkah pembekuan oleh Kementerian Belia dan Sukan terhadap skim belia niaga dan belia peladang atau belia tani ini saya anggap sebagai satu langkah sementara untuk membolehkan Kementerian mencari satu cara pelaksanaan skim yang lebih sesuai dan berkesan—satu skim yang apabila dilaksanakan dapat mengatasi segala kelemahan yang lalu yang membantut kepesatan kemajuannya.

Rancangan Belia Niaga dan Belia Peladang ini perlu diteruskan supaya usaha yang dimulakan pada tahun 1976 dapat disambung dan peruntukan sebanyak \$36.4 juta dalam Rancangan Pembangunan Ekonomi Belia ini tidak tinggal begitu sahaja. Sebagai makluman kita telah pun dimaklumkan bahawa Rancangan Belia Niaga sepanjang tempoh yang lalu telah pun menelan belanja sebanyak \$22 juta lebih. Begitu juga dengan Rancangan Perniagaan Kecil

yang menelan belanja lebih daripada \$2 juta sementara Rancangan Belia Peladang menelan belanja lebih daripada \$11 juta.

Saya percaya skim ini sekiranya ianya dilanjutkan akan menjadi skim jangka panjang dan bukan jangka pendek yang boleh melibatkan lebih ramai lagi belia dalam kegiatan ekonomi dan ini membantu mengelakkan belia daripada terjerumus kepada kegiatan yang merosakkan diri dan negara seperti terlibat dalam penagihan najis dadah dan kegiatan-kegiatan jenayah yang lain yang mengancam masyarakat dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik semenjak rancangan ini dijalankan daripada tahun 1976 hingga tahun 1985, Rancangan Belia Peladang pada keseluruhannya telah mencapai lebih kurang 26.6%, sementara Belia Berniaga 82.4% dan Peniaga Kecil 63.7%.

Jika kita kaji dari segi pencapaian dan prestasi ini, saya percaya bahawa kita mempunyai keyakinan bahawa rancangan ini boleh dimajukan dan diteruskan melainkan pihak Kementerian Belia dan Sukan patut mengambil perhatian untuk mengatasi masalah kelemahan yang terdapat di dalam usaha memajukan Rancangan Belia Peladang yang nampak jauh ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini dengan sendirinya menjadi satu kejayaan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Tetapi kejayaan selanjutnya ialah pencapaian ke arah matlamat pembangunan ekonomi belia yang berdaya cipta dan berdaya maju. Di sinilah letaknya peranan tabung ini. Kita tidak harus dipengaruhi dengan kuantiti sahaja tetapi kita harus menitikberatkan juga kepada soal kualiti yang kita dapat

wujudkan. Sebagai pelancaran Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia pada tahun ini sebanyak \$3 juta memanglah terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah kumpulan sasaran yang patut menerima faedah.

Oleh itu kesediaan Kerajaan untuk menambahkan peruntukan ini sangatlah diharapkan dan sangatlah dialu-alukan. Andainya jumlah \$3 juta ini diambil kira ke atas peruntukan bagi suku penggal terakhir tahun 1987 ini, maka seharusnya Kerajaan menimbangakan bagi memberi peruntukan tambahan bagi tahun 1988 sebanyak \$12 juta ataupun lebih.

Jika Rancangan Belia Niaga dan Belia Peladang ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan dapat diselaraskan dengan Rancangan Industri Kecil dan Industri Kampung di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang mana sasarannya termasuk juga belia, saya yakin lebih ramai belia akan menerima peruntukan untuk khidmat bantuan kewangan bagi tujuan-tujuan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan tidak akan mengabaikan usaha ini. Sungguhpun begitu kita juga berharap supaya sektor swasta dan juga orang perseorangan akan turut membantu mengisi tabung ini sebagai usaha untuk mengukuhkan lagi tabung ini dan seterusnya sama-sama membantu mewujudkan masyarakat belia yang berguna kepada bangsa, agama dan juga tanahair.

Kementerian Belia dan Sukan sendiri hendaklah segera mengambil daya usaha untuk melibatkan pihak-pihak yang tersebut tadi bagi memberi sokongan penuh kepada tabung ini demi kepentingan ekonomi dan kesejahteraan belia negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat saya sering didatangi dengan pertanyaan-pertanyaan dan per-

mohonan-permohonan untuk mendapatkan pinjaman oleh belia-belia bagi tujuan perniagaan. Tetapi agak malang nasib mereka kerana ketiadaan peruntukan di pihak Kementerian dan sebagai contoh saya ingin sebutkan satu kajian berhubung dengan pelaksanaan Skim Belia Niaga dan Belia Peladang di daerah Muar di mana kawasan Parlimen saya terlibat. Kajian yang saya sebutkan ini adalah daripada tahun 1979 hingga tahun 1987, di mana projek belia peladang yang telah dijalankan ialah sebanyak 10, belia niaga sebanyak 17; peniaga kecil sebanyak 8. Keseluruhannya daripada tahun 1979 hingga tahun 1987 hanya 35 sahaja projek telah dijalankan dan antara tahun 1984 hingga 1987 tiada satu projek belia peladang telah dijalankan dan belia niaga tiada satu projek dijalankan sepanjang tahun 1986 hingga 1987. Begitu juga peniaga kecil tiada satu projek dijalankan sepanjang tahun 1984 hingga 1987.

Jadi, dari kajian ini kita nampak bahawa masalah kekurangan kewangan menjadi satu masalah yang besar dan kita harap dengan adanya tabung ini masalah ini akan dapat diatasi dan seterusnya dapat diteruskan dari segi usaha-usaha untuk meningkatkan lagi bidang perniagaan khasnya di kalangan belia-belia pada hari ini. Kajian menunjukkan bahawa pemohon tetap bertambah dan rungutan mereka kerana kekecewaan mendapat pinjaman ini amatlah jelas.

Tabung ini adalah diharap dapat mengatasi masalah kesukaran belia untuk mendapatkan kemudahan pinjaman daripada bank-bank atau lain bentuk institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, had umur belia yang ditetapkan untuk menerima faedah dari tabung ini adalah antara 18 hingga 30 tahun. Pandangan Kerajaan di dalam hal ini mungkin wajar memandangkan golongan belia di dalam lingkungan umur berkenaan

adalah lebih ramai. Mereka ini boleh dikatakan dari kalangan belia yang berkelulusan SPM, maktab dan juga universiti-universiti, golongan mereka inilah yang telah mula mempunyai kematangan dan kedewasaan dan kelulusan sama ada akademik ataupun profesional. Kalau mereka ini diberi bantuan bukan sahaja kewangan tetapi sokongan dari segi khidmat latihan perniagaan dan pengurusan yang baik dan cukup, mereka akan lahir sebagai satu jenerasi yang mampu berdikari, lebih-lebih lagi dengan kesedaran yang ada pada mereka bahawa peluang kerjaya yang luas ada di sektor perniagaan ataupun pertanian dan bukan semata-mata di sektor awam sahaja.

Sungguhpun begitu Kerajaan juga seharusnya tidak mengabaikan dan menolak terus golongan belia di dalam peringkat umur 30 hingga 40 tahun kerana mereka ini juga masih dianggap belia dan pemuda dan mereka mengaku belia atau pemuda. Golongan di peringkat ini juga masih ramai yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, konsep dan skop belia niaga kecil dan belia peladang atau belia tani ini juga sepatutnya mengambil kira penglibatan belia bukan sahaja dalam perniagaan kecil dan tani tetapi termasuk bentuk perniagaan yang berasaskan kepada kepakaran di dalam sesuatu bidang pengetahuan yang boleh memberi khidmat nasihat dan perundingan. Dengan cara ini skopnya menjadi luas kepada penglibatan belia-belia.

Tuan Yang di-Pertua, tabung akan menerima bayaran balik daripada si peminjam. Skim bayaran balik pinjaman ini perlulah diperhalusi benar-benar supaya si peminjam tidak menerima beban yang boleh menghalang dan membantutkan perniagaan yang menunjukkan flexibility dan menjadi insentif yang menggalakkan dan bukan

melemahkan. Kajian ini seharusnya meliputi jangka masa bayaran daripada mula bayaran hingga selesai dan kadar bayaran yang mudah serta ringan.

Bagi menjamin bahawa wang amanah ini tidak menjadi sia-sia dan diselewengkan maka suatu Lembaga Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini perlu diwujudkan dan seharusnya melaksanakan tugas dengan penuh keamanahan dan bertanggungjawab. Lebih-lebih lagi dalam soal penggunaan wang amanah untuk sebarang pelaburan supaya terelak daripada masalah kerugian dan kepupusan wang amanah rakyat. Bagi menentukan usaha yang lebih segera untuk mewujudkan masyarakat belia yang berbudaya niaga, berbudaya tani dan berbudaya maju, cara skim ini dilaksanakan patut diperhatikan terutama dari segi peraturan pemerosesan borang-borang permohonan. Kita bimbang kalau sesuatu permohonan itu diproses memakan masa tiga hingga enam bulan untuk meluluskan ini adalah terlalu lama dan kemungkinan besar ini boleh membantutkan perniagaan kerana masa yang terlalu lama boleh memberi peluang kepada orang lain merampas peluang niaga yang ada dan hal ini juga menimbulkan kegelisahan dan karenah yang membawa kekecewaan, memudarkan semangat dan juga melibatkan pembaziran masa yang tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjayakan skim ini Kementerian Belia dan Sukan tidak boleh bertindak bersendirian. Kementerian Belia dan Sukan mestilah mengadakan rancangan khas pergabungan tenaga dengan agensi-agensi pelaksana yang lain supaya pinjaman kewangan dari tabung ini akan disusuli rapat oleh sokongan yang berupa bimbingan, nasihat dan lain-lainnya oleh agensi-agensi pembangunan Kerajaan yang

lain. Oleh kerana penekanan Kerajaan dalam soal pembangunan kawasan luar bandar sangat ketara maka pelaksanaan skim ini seharusnya sejajar dan keutamaan ke arah ini harus diberikan kepada belia-belia yang ingin melibatkan diri. Diharapkan tabung ini akan dapat membantu merapatkan lagi belia dengan organisasi belia dan menjadikan organisasi belia pusat kepada segala perancangan berkesan ke arah pembangunan ekonomi belia seterusnya ekonomi negara.

Dalam hal ini pegawai-pegawai belia, khasnya di peringkat daerah ataupun negeri perlulah sentiasa memberikan motivasi, bimbingan dan membantu mengenalpasti jenis-jenis projek perniagaan yang boleh diceburi oleh belia. Di harap Kementerian Belia dan Sukan akan terus mengekalkan prestasi dan imejnya, terutama dari segi bentuk organisasi belia negara ini yang dianggap salah satu yang terbaik di rantau ini, yang sentiasa mendapat perhatian dan bantuan sama ada dari segi kewangan ataupun lain-lainnya dari negara-negara lain.

Saya juga berpendapat sudah kena pada masanya diwujudkan Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut yang bertujuan untuk menjalankan usaha pembangunan dan penjagaan ke atas pulau-pulau dan taman laut. Hasrat ini adalah sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di rantau ini. Dengan pengwujudan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan hal ini menjadi lebih bermakna dan berfaedah terutama dari segi usaha menarik pelancongan dan menjadikan perusahaan pelancongan salah satu perusahaan yang menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negara.

Negara mempunyai banyak pulau dan taman laut yang berpotensi untuk

dimajukan. Jika kemajuan ini dikhususkan sudah tentulah pulau-pulau kita ini akan menyediakan kemudahan yang baik yang diperlukan oleh pelawat dan pelancong-pelancong yang semakin ramai sama ada dari dalam ataupun dari luar negeri. Satu perancangan yang teratur patut diadakan untuk menjadikan satu master plan ataupun pelan induk kepada keseluruhan pembangunan dan penjagaan pulau-pulau dan taman-taman laut supaya tujuan dan matlamat asal yang baik tidak akan tergendala di tengah-tengah jalan. Dalam hal ini Kementerian Pertanian seharusnya bekerjasama rapat dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bagi merangka dan melaksanakan dasar yang sesuai dan menguntungkan. Diharap dengan cara ini mutu dan prestasi perkhidmatan akan dapat dipertingkatkan dan boleh membawa hasil yang lebih untuk mengisi tabung ini. Kita harap juga melalui cara itu pembangunan dan penjagaan pulau-pulau dan taman laut akan lebih selaras dan menyeluruh dan tidak tertumpu kepada sesuatu tempat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon untuk menyokong usul yang dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Gopeng.

*4.17 ptg.*

**Dr Ting Chew Peh (Gopeng):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan sedikit pandangan umum berhubung dengan usul Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Pada pandangan saya kita perlu memikirkan dua soalan yang penting apabila membincangkan usul itu iaitu pertama adakah Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini benar-benar

mendatangkan faedah ataupun keuntungan kepada kumpulan sasaran itu iaitu golongan muda mudi di negara ini. Yang kedua, apakah Kumpulan Wang Amanah ini akhirnya berfungsi meintegrasikan ataupun menyatu-padukan muda-mudi dari keturunan yang berlainan. Dengan kata-kata lain, Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia Ekonomi ini yang dicadangkan hendaklah mencapai matlamat yang penting iaitu:

- (1) ia perlulah mendatangkan faedah kepada golongan muda mudi negara kita; dan
- (2) ia perlu membawa perpaduan ataupun memupuk perpaduan di kalangan muda-mudi dari berbagai kaum dan keturunan.

Jadi, pada pandangan saya untuk memastikan rancangan ini ataupun kumpulan wang ini dapat mencapai kedua-dua matlamat yang saya sebutkan tadi maka ingin saya memberikan beberapa cadangan di sini.

Pertama, badan ataupun panel yang menguruskan Kumpulan Wang Amanah ini haruslah dikendalikan ataupun terdiri daripada individu-individu ataupun ahli-ahli yang benar-benar mempunyai pengalaman dan juga benar-benar mewakili kaum-kaum yang berlainan. Ini penting kerana cuma dengan cara demikian dapat kita menjamin segala urusan itu dijalankan secara adil dan saksama.

Kedua, dalam melaksanakan Kumpulan Wang ini semua kumpulan dan semua pertubuhan belia hendaklah diberikan layanan yang sama tanpa mengira perbezaan kaum, tanpa mengira perbezaan agama ataupun keturunan. Ini bererti bahawa pertubuhan belia yang tidak menjadi ahli-ahli Majlis Belia Negara juga hendaklah diberikan layanan dan

bantuan yang sewajar. Pada ketika ini banyak pertubuhan belia bukan Melayu, terutama sekali Pertubuhan Belia Cina tidak menjadi ahli-ahli Majlis Belia Negara, sebabnya pertubuhan belia itu menjadi sebahagian daripada Persatuan Dialect Cina dan pertubuhan itu tidak dianggap sebagai pertubuhan yang berdaftar.

Ketiga, dalam proses memberikan sebarang bantuan, saya rasa keutamaan hendaklah diberikan kepada projek-projek usaha sama yang dikendalikan oleh muda-mudi dari berbagai kaum kerana ini satu cara untuk menggalakkan pergaulan serta juga kerjasama antara kaum.

Keempat, memandangkan ramai muda-mudi kini masih tidak menyertai gerakan belia, saya rasa golongan ini jangan kita abaikan. Permohonan secara individu untuk mendapatkan bantuan juga hendaklah diberikan pertimbangan yang saksama.

Kelima, bila kita memberikan bantuan belia-belia dari kawasan luar bandar patut juga diberikan sedikit keutamaan, sebabnya golongan ini kurang bernasib baik, golongan ini kurang berpendidikan dan lebih ramai di kalangan mereka yang menganggur. Cuma saya ingin memberikan satu contoh di sini. Saya dapati beribu-ribu belia dari kawasan Gopeng menganggur dan mereka terpaksa berhijrah ke bandar-bandar yang besar, yang jauh, termasuk Singapura untuk mencari nafkah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah ataupun cadangan di atas, saya yakin kita dapat membantu sedikit sebanyak menyelesaikan masalah pengangguran, di samping memupuk rasa kekitaan antara muda-mudi dari kaum-kaum yang berlainan di negara ini.

Satu persoalan yang berkaitan ialah masalah kurangnya penyertaan belia bukan Melayu dalam Gerakan Belia

Kebangsaan. Dalam soal ini saya rasa tidaklah berfaedah kalau kita menyalahkan mana-mana pihak, tidak guna juga kalau kita tuduh-menuduh. Bagi saya cara yang lebih positif untuk menyelesaikan masalah ini ialah pihak. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada apa?

**Tuan Hashim bin Safin:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Gopeng. Adakah Persatuan-persatuan Belia MAYC dan 4B menghadkan kepada kaum Melayu sahaja ataupun kaum-kaum tertentu dan tidakkah pemimpin-pemimpin boleh menggalakkan belia-belia bukan Melayu untuk menyertai MAYC dan sebagainya?

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, bila saya mengatakan bahawa belia-belia bukan Melayu itu ramai yang tidak menyertai Majlis Belia Negara, yang saya maksudkan itu banyak pertubuhan belia yang terletak di bawah pertubuhan ataupun persatuan dialect kerana pertubuhan itu sebenarnya tidak dibenarkan untuk mendaftar. Jadi, oleh kerana pertubuhan itu tidak berdaftar, maka pertubuhan itu tidak diterima sebagai anggota dalam Majlis Belia Negara.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia bangun lagi.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekadar untuk memperbetulkan. Kita mengharap tujuannya memang bersama. Jadi, dalam masalah tadi kalau masalah dialect ditimbulkan sehingga tidak boleh dibuat pendaftaran, memanglah itu patut, tetapi untuk menggalakkan kalaulah soal integrasi, soal kerjasama

(joint-venture) dalam usahasama belia tani, belia niaga, saya rasa lebih baik kalau pemimpin-pemimpin MCA, Gerakan, DAP menyeru belia-belia mereka memasuki bersama dengan belia-belia yang sudah ada seperti 4B, MAYC dan sebagainya untuk bersama dan dengan sendiri mereka akan bersama menjadi anggota dalam Majlis Belia Negara atau Majlis Belia Negeri—selesai masalah, tetapi siapa hendak timbul yang mana satu? Sama-sama fikir. Minta penjelasan.

**Dr Ting Chew Peh:** Saya bersetuju. Pada peringkat ini sebenarnya belia-belia bukan Melayu itu banyak yang menyertai GBB dan Young Malaysian Youth Movement. Cuma bagi saya, penyertaan mereka masih kurang menggalakkan secara keseluruhan dan bagi pihak saya tentu sekali saya mengharap mereka akan lebih banyak lagi menyertai pertubuhan belia yang bercorak berbilang kaum itu dan usaha juga saya kira sedang dijalankan oleh pertubuhan ataupun persatuan dialect untuk mendaftarkan bahagian belia dalam persatuan yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya habiskan ucapan saya. Saya katakan tadi bahawa satu persoalan yang berkaitan ialah masalah kurangnya penyertaan belia bukan Melayu dalam Gerakan Belia Kebangsaan dan saya katakan bahawa tidak perlu kita tuduh-menuduh. Satu cara yang paling positif ialah kita minta pihak Kementerian Belia dan Sukan supaya menjalankan satu kajilidikan yang lebih teliti untuk memahami isu yang sebenarnya, apakah sebab-sebab masih kurang, misalnya belia berbagai kaum itu menyertai gerakan belia dan apakah sebab-sebabnya golongan belia bukan Melayu tidak begitu menyambut seruan untuk menyertai gerakan-gerakan belia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu maka saya ingin menyatakan

sokongan saya terhadap usul yang disebutkan tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Simunjan.

4.29 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk melibatkan diri dalam arena perbincangan mengenai usul yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini, iaitu Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dan juga Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut. Dan sebagaimana yang kita sedia maklum, kelulusan adalah dipohon dari Parlimen supaya dapat diperuntukkan wang oleh Perbendaharaan kepada Tabung ini setiap tahun dan dimungkinkan peruntukan itu pada tahun ini ialah lebih kurang \$3 juta dan Tabung itu sebagaimana yang kita sedia maklum akan dikendalikan pentadbirannya oleh satu Jawatankuasa di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan yang termaktub dalam Usul ini, tetapi ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk perhatian pihak Kementerian Belia dan Sukan agar apa yang dipohon dan apa yang akan diwujudkan akan dapat memberi manfaat kepada semua golongan belia di negara dan tanahair kita yang dicintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan yang dibuat dari pembubaran Kabinet baru-baru ini dan dengan memindahkan aspek kebudayaan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada sebuah Kementerian baru yang lain, tentunya Kementerian Belia dan Sukan dapat memberikan tumpuan

dan perhatian yang lebih serius dan mendalam kepada belia dan aktiviti-aktiviti belia di seluruh negara kerana bidang yang dijagai sekarang adalah tidak seluas seperti yang dijaga di masa-masa yang lepas.

Kerajaan mestilah memberikan perhatian yang lebih berat kepada belia berasaskan hakikat-hakikat seperti berikut:

- (1) Kerajaan dirasakan perlu menumpukan perhatian yang serius terhadap belia dan aktiviti-aktiviti belia kerana di negara kita, golongan belia, sebagaimana kita sedia maklum adalah golongan yang paling besar jumlahnya berbanding dengan golongan lain. Ada pihak yang menyatakan 6 juta, ada yang menyatakan 8 juta dan ada yang mengatakan semua 15 juta—ini mungkin kerana walaupun dari segi umur sudah tua, still very young at heart, dengan izin.
- (2) Bertambahnya jumlah pertubuhan-pertubuhan belia di negara kita. Pada tahun 1985 sahaja terdapat 24 buah pertubuhan belia dengan lebih 7,300 cawangan di seluruh negara, dengan jumlah keahlian mencapai angka 1.3 juta. Dan ini tidak termasuk apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng tadi, bukannya salah Kerajaan, walaupun saya sekarang terkeluar sedikit dari Kerajaan, tetapi bukan Kerajaan yang menghalang mereka untuk memasuki pertubuhan belia yang diiktiraf oleh Kerajaan, tetapi mungkin galakan dari pihak yang memimpin mereka itu kurang ataupun sebagai golongan belia mereka kurang berminat untuk menyertai pertubuhan belia. Oleh kerana itu Kerajaan harus

menitikberatkan kepada belia, memberikan perhatian yang mendalam terhadap aktiviti belia dan sebagainya dengan pertambahan jumlah itu.

- (3) Menularnya pengaruh-pengaruh negatif dari luar dan dari dalam negeri terhadap ataupun ke atas golongan belia di negara kita yang tentunya memerlukan perhatian yang serius dan berkesan daripada pihak Kerajaan.
- (4) Bertambahnya jumlah ataupun golongan belia di peringkat biasa yang menganggur akibat dari kemelesetan ekonomi—walaupun dikatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, ekonomi negara kita pulih, tahun lepas pun dikatakan pulih, tiga tahun yang lepas pun dikatakan pulih juga, jadi rakyat menyoal, bukan saya kerana dahulu saya pernah dalam Kerajaan juga, tetapi bilakah sebenarnya pulih, mungkin beransur pulih.
- (5) Bertambah dan makin bertambah banyak jumlah kaum belia terpelajar, profesional dan sebagainya yang merupakan siswazah dari universiti-universiti dalam dan luar negeri yang menganggur akibat dari kemelesetan ekonomi dan bertambahnya jumlah yang dimasukkan ke universiti-universiti tempatan dan juga luar negeri dan mereka mempunyai “expectation”, dengan izin, yang begitu tinggi terhadap Kerajaan untuk menyediakan kemudahan supaya mereka mendapat pekerjaan ataupun pendapatan yang lumayan.
- (6) Sifat-sifat belia sendiri yang begitu berpengaruh untuk diorientasikan masa depan mereka yang begitu berguna

dan bertenaga untuk dieksploitasikan tenaga mereka, yang begitu produktif untuk diutilisasikan keproduktivitan mereka dan begitu ramai untuk dijadikan tunggak pembangunan negara.

Golongan belia sendiri, Kerajaan—tidak termasuk saya kerana saya sudah rakyat, walaupun Barisan Nasional saya lihat terlupa memotong senarai yang membayar sumbangan kepada Barisan Nasional. Saya masih terima resip dari Barisan Nasional bahawa saya ini masih membayar setiap bulan sehingga hari ini kepada Tabung Barisan Nasional. Tak ada hal, sedekah sahajalah (*Ketawa*). Golongan belia sendiri, Kerajaan dan rakyat menyedari akan hakikat di atas, mestilah berusaha untuk menentukan supaya matlamat pembangunan belia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan bermakna lagi. Ini menjadi lebih penting lagi apabila kita menyedari bahawa, dengan izin, the youth are expected to provide the skilled manpower required by the nation and at the same time to become the motivator, leader and eye-opener in the community.

Saya mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mentransformasi dan mewujudkan masyarakat belia yang teratur, tersusun dan berorganisasi.

Kedua, menggalakkan golongan belia memainkan peranan yang positif dalam masyarakat dan negara.

Ketiga, memupuk semangat persefahaman dan kerjasama antara belia dan Kerajaan dan rakyat.

Keempat, mewujudkan hubungan kerjasama dan pendekatan berkesan dengan golongan belia antarabangsa supaya semua boleh memainkan peranan yang bermakna dalam menjamin keamanan antarabangsa.

Kelima, menentukan golongan belia atau persatauan-persatuan belia tidak prejudis dan terkongkong oleh sesuatu tekanan, golongan atau kuasa tetapi belia hendaklah bebas dan berani untuk menegakkan kebenaran dan keadilan walaupun dengan berbuat demikian belia akan menderita ataupun terlepas peluang kerja.

Saya percaya apa yang dicadangkan dalam usul ini iaitu Kumpulanwang Amanah Pembangunan Belia satu sektor iaitu sektor ekonomi dapat digiatkan oleh golongan belia kita. Namun harapan kita ialah supaya wang itu dibelanjakan dengan betul kerana sebagaimana kita sedia maklum wang itu wang rakyat yang dikutip dari rakyat dalam bentuk cukai dan sebagainya. Jadi untuk menentukan supaya wang rakyat tidak dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya maka kita hendaklah gunakan wang itu walaupun \$3 juta, walaupun satu sen kita mesti menentukan supaya perbelanjaan dijaga dengan betul dan pemberian pinjaman itu diberi dengan berjaga-jaga, dengan menentukan sistem pemberian itu, pentadbirannya berjalan dengan betul supaya orang yang diberi bukanlah golongan orang yang tidak bertanggungjawab. Bukanlah golongan belia yang hanya mengambil peluang, pinjam kemudian duit itu digunakan untuk kahwin misal kata, ataupun digunakan untuk membeli barang yang tidak memberi hasil.

Yang kedua, belia yang berhajat hendak dilatih dengan betul. Latihan mesti dibuat, bukan hanya di Dusun Tua latihan itu ataupun bukan hanya di Kuala Terengganu dan Pertak tetapi di tempat-tempat yang lain. Dan saya tengok tiga tempat ini ialah tiga tempat yang ada di bawah jagaan Kementerian Belia dan Sukan. Kalau dapat saya cadangkan, yang selalu tinggal di sini ialah Sabah dan Sarawak. Jadi oleh kerana saya ini dari Sarawak dan Sabah, saya pohonlah

supaya satu pusat belia yang memberi latihan ini juga diwujudkan di Sabah dan Sarawak. Beri keutamaan kepada Sarawak dulu; kalau dapat.

Yang ketiga, saya memang menyedari hakikat bahawa apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Gopeng tadi iaitu mesti diberi kepada golongan kaum yang adil dan saksama tetapi kita mesti menyedari hakikat bahawa mengikut Laporan Rancangan Malaysia Kelima, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "the percentage of poor race based on distribution of poor race—74% ialah bumiputera; iaitu  $\frac{3}{4}$  daripada bangsa yang miskin di Malaysia ini ialah bumiputera. 17% golongan Tionghua, golongan Cina. 8% India. Jadi untuk menentukan supaya kita adil, Kerajaan adil kita harus melakukan atau melaksanakan sesuatu berasaskan kepada keadaan ini. Tidak sepatutnya kita hanya melaungkan ini, itu dan sebagainya. Kerana saya teringat bahawa semasa Sarawak mencapai kemerdekaan dulu, ada seorang Menteri dari golongan Tionghua di Sarawak yang pada tahun 1970 dapat satu juta ekar kayu balak—satu juta ekar kayu balak. Bumiputera tidak ada. Tetapi dia tidak pernah melaungkan supaya apa yang dia ada itu diberi kepada orang lain termasuk bumiputera. Jadi kita mahu adil dalam pembahagian.

Tuan Yang di-Pertua, tentukan apa yang dijalankan dan semangat Dasar Ekonomi Baru itu akan dapat dicapai dalam kita melaksanakan Projek Belia Niaga ini.

Yang keempat, kita mesti menyediakan cara perjanjian yang sesuai dan dengan perjanjian itu dapat ditentukan supaya apa yang kita berikan kepada orang itu dapat kita ambil balik dengan senang sebagaimana disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa projek-projek sebelum ini telah membuktikan kepada kita bahawa yang meminjam itu memang jarang-jarang hendak beri

balik. Meminjam mereka berminat, tetapi hendak bayar balik tidak berminat. Ini sifat manusia biasa. Bak lirik lagu M. Daud Kilau, "kalau orang hendak minta hutang balik; dia lari pintu belakang." Jadi kita tidak mahu. Kita tentukan cara kita memberi pinjaman berkesan supaya dapat wang itu diperolehi balik dengan senang. Projek yang dijalankan oleh belia mestilah projek yang baik, yang memberi keuntungan kepada kita, kepada belia, kepada yang diluar bandar kita mesti pilih yang sesuai kerana tidak boleh kita hendak menggalakkan belia di luar bandar untuk berniaga secara yang dibuat oleh mereka di bandar. Kerana kalau kita suruh buat misal kata yang jauh di luar bandar; bukan luar bandar macam di Gopeng; bukan, di luar bandar di Sarawak yang begitu terpencil hinggakan apa yang mereka buat tidak boleh dijual. Jadi ini kita mesti fikirkan projek yang sesuai untuk mereka.

Dan yang satu lagi, saya cadangkan ialah Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Persekutuan janganlah berebut-rebut dengan peniaga-peniaga bumiputera yang kecil-kecil ini. Jual daging pun SEDC buat misal kata. Pasir pun SEDC buat. Sedangkan ini projek-projek kecil yang boleh dibuat oleh belia-belia kita; yang kecil-kecilan. Jadi ketamak dan kehalobaan ini jangan dibiarkan berleluasa kerana kita mesti memilih, Perbadanan Kemajuan Negeri mesti pandai memilih yang mana boleh mereka buat kerana mereka mampu untuk membuat yang besar. Yang kecil-kecil kita tentukan supaya bumiputera yang kecil-kecil ini dapat menjalankan projek-projek ini.

Janganlah pilih kasih dalam kita memberi. Ini kadang-kadang berlaku. Tetapi saya pasti menyedari bahawa pegawai-pegawai di pihak Kementerian memang berusaha untuk

menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu dengan pilih kasih ini. Tetapi tuduhan orang dan tohmahan orang ini bermacam-macam. Jadi jauhkanlah daripada melaksanakan ini dengan pilih kasih.

Yang akhir sekali aktiviti-aktiviti mereka mesti kita awasi walaupun bayaran balik sudah dibuat sepenuhnya kepada tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara rezab laut dan sebagainya, saya juga mengalu-alukan akan usaha Kerajaan ini sudah tentu ia akan dapat memberi cahaya yang cerah kepada industri pelancongan negara kita ini. Dan saya rasa dalam hal ini kita harus juga melihat akan penyebaran, kemudahan bukan hanya kepada laut, tepi-tepi laut, pulau-pulau di Semenanjung Malaysia tetapi di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak kerana di sana banyak pulau-pulau dan tepi-tepi pantai yang indah-indah belaka.

Walaupun ada juga kadangkala tepi pantai yang dipilih itu bukan tepi pantai yang indah tetapi ada yang indah yang harus kita jaga, kita tentukan menjadi pusat pelancongan yang menarik. Dan dengan tarikan ini saya rasa dapatlah kita menarik pelancong-pelancong supaya ketidak-seimbangan dari segi lawatan pelancong-pelancong ke negara Malaysia ini akan dapat kita perbaiki iaitu pada masa ini misal kata begitu ramai melawat Semenanjung Malaysia daripada luar negeri. Sedikit sangat pergi Sabah dan Sarawak. Jadi dengan penyebaran kemudahan ini dan tarikan itu akan dapat kita memperbaiki maka dapatlah perseimbangan itu kita jamin dan ramai daripada pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia melawat Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya dan saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.50 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan pindaan Jadual Kedua Akta Acara Kewangan 1957 ke atas kedua-dua Tabung yang dicadangkan, iaitu Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dan juga Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan kedua-dua Tabung Amanah ini adalah satu langkah yang baik oleh Kerajaan untuk menggerakkan pembangunan ekonomi. Walaupun peruntukan awal merupakan satu jumlah wang yang kecil iaitu \$3 juta untuk Belia dan \$10 juta untuk Rezab Laut, saya yakin jumlah-jumlah ini akan menjadi modal bibit yang akan berpusing menjadi lebih besar di hari muka. Pembesaran ini akan menunjukkan kejayaan usaha Kerajaan dan ianya hanya akan dicapai apabila dua perkara berikut berlaku:

- (1) pembayaran balik dan hasil mendatang yang memuaskan; dan
- (2) sambutan dari pihak swasta secara sumbangan wang, latihan dan kemudahan yang tinggi.

Terletaklah kepada kebijaksanaan Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pertanian yang dipertanggungjawab menguruskan Kumpulan-kumpulan Wang ini untuk memastikan kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan modal bibit yang kecil ini di atas dua sebab. Pertama, di dalam keadaan kesempitan wang yang ditanggung oleh Kerajaan pada masa ini, suatu pengagihan sumber yang teliti dan cekap perlu diamalkan oleh

pihak Perbendaharaan. Kedua, pengagihan yang kecil ini menentukan bahawa projek ini dikhususkan kepada satu kumpulan sasar yang kecil dan juga kepada perkara-perkara yang asas.

Di antara dua sebab ini, saya fikir sebab yang kedua saya sebut tadi adalah yang paling mustahak. Walaupun di masa hadapan apabila ekonomi negara pulih dan Kerajaan mempunyai banyak wang, Kerajaan harus mengambil perhatian mengenai kumpulan sasar yang khusus dan perkara asas yang patut didahulukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata begini berdasarkan kepada pemerhatian ke atas pola-pola pengagihan sumber dan strategi-strategi pembangunan yang diamalkan selama ini. Dahulu di masa kita jenuh wang, kita hamburkan ke dalam apa sahaja program dan projek yang pada sekali imbas membayangkan keuntungan kepada rakyat dan negara. Kajian-kajian yang terperinci untuk membolehkan perancangan yang cekap tidak sempat dibuat. Akibatnya banyak projek yang gagal walaupun "political will" tinggi. Kegagalan ini adalah berkisar di sekeliling faktor sambutan rakyat yang tidak bersungguh dan juga sikap sebahagian agensi-agensi Kerajaan yang tidak memahami strategi sesuatu projek secara menyeluruh dan secara mendalam.

Saya beri satu contoh, di dalam usaha Kerajaan untuk mewujudkan satu kumpulan masyarakat belia yang berbudaya perniagaan atau pertanian moden melalui Projek Belia Niaga dahulu, banyak modal yang dipinjamkan kepada sesiapa sahaja di dalam kumpulan belia yang ingin mengambil bahagian. Soal penilaian di atas sikap dan kebolehan atau, dengan izin, aptitude, kehendak asas atau dengan izin, basic needs dan lokasi pengeluaran dan pemasaran tidak

diteliti dengan seteliti-telitinya. Jadi apa yang berlaku setiap orang—Awang, Mat, Minah yang akan dengan senang mendapat projek. Keadaan senang mendapat projek Kerajaan oleh sesiapa sahaja inilah yang membawa kepada tahap pembayaran balik yang rendah dan daya usaha untuk berjaya yang kurang kerana apa yang patut dipedulikan sangat, wang itu adalah wang Kerajaan, tidak bayar pun Kerajaan tidak akan mengambil tindakan seperti bank-bank dan lain-lain institusi kewangan swasta, dan di pihak agensi-agensi Kerajaan pula sokongan yang kuat dan berterusan tidak pula mendatang.

Barang-barang pengeluaran dan perkhidmatan belia-belie yang terlibat di dalam projek-projek berkenaan tidak diberi saluran-saluran yang terkawal. Misalnya, barang-barang pertanian dan buatan dari bahan-bahan tempatan seperti buluh dan rotan yang dikeluarkan oleh belia-belie dibiarkan begitu sahaja mencari nasib sendiri di dalam pasaran bebas yang “hostile”. Usaha belia-belie ini akan gagal begitu sahaja kerana akhirnya pengalaman dan pengetahuan mereka di dalam pasaran bebas adalah tidak mencukupi untuk terus hidup.

Mengapakah pihak Perbendaharaan tidak boleh mewujudkan satu program yang memberi perlindungan pasaran kepada projek-projek kecil belia ini selama sekurang-kurangnya 5 tahun seperti yang diberi kepada projek-projek besar yang dipunyai oleh jutawan-jutawan . . . . .

**Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, apa dia?

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah buat satu bilangan, saya ingat tidak cukup korum. Hari ketiga sudah tidak cukup korum!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Setiausaha, sila bilang.

(Ahli-ahli dikira: 26 Ahli hadir).

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** 26, ada kuorum. Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini dengan ketiadaan wang dan keinsafan mengenai kelemahan di dalam mengimplemantasikan program dan projek, saya harap pihak Kerajaan tidak lagi bersikap terlalu pemurah. Saya cadangkan dengan \$3 juta modal bibit ini, satu kumpulan sasaran yang khusus ditubikan pembangunan ekonominya.

Jikalau di dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada hari kelmarin beliau menumpukan kepada sekumpulan belia-belie yang lulus SRP sahaja atau ke bawah, saya ingin mencadangkan supaya dikhususkan lagi kumpulan ini. Pengkhususan ini ialah di dalam bentuk menghadkan kepada kumpulan SRP yang datang dari 20% keluarga yang termiskin di Malaysia. Saya fikir dengan pengkhususan lanjut ini cukuplah \$3 juta ringgit itu menjadi modal bibit yang akan membesar dan apabila ianya membesar bolehlah dipanjangkan kepada kumpulan-kumpulan lain.

Penumpuan kepada 20% kumpulan yang paling miskin di dalam kategori lulus SRP ini akan memastikan kejayaan projek ini. Ini adalah disebabkan oleh kehendak asas ataupun basic needs di kalangan belia miskin lagi berkelulusan rendah adalah tinggi. Mereka akan berusaha

menjayakan projek mereka untuk menentukan saraan hidup. Mereka juga akan cuba membayar hutang-hutang kepada Kerajaan sebolehnya kerana takut tidak mendapat bantuan lagi. Ini adalah disokong dengan kajian-kajian yang dibuat oleh ahli-ahli ekonomi di kawasan-kawasan pendalaman iaitu belia-belia ataupun petani-petani yang termiskinlah, petani-petani yang mempunyai propensity, dengan izin, untuk membayar balik hutang-hutang dari institusi-institusi Kerajaan seperti Pertubuhan Peladang, MARA dan lain-lain lagi. Merekalah yang memerlukan projek bantuan sebegini, bukan belia-belia yang berkelulusan tinggi dan datang dari keluarga yang berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya membetulkan sedikit objektifnya seperti yang diucapkan oleh Yang Berhormat pada hari kelmarin. Beliau menyebut usaha Kerajaan untuk mewujudkan budaya tani. Kalau ditafsirkan "budaya tani" di dalam bahasa Inggeris, ia bermakna "peasant culture". Jadi adakah Kerajaan hendak mewujudkan satu budaya ataupun "peasant culture" di kalangan belia?

Saya fikir apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah untuk mewujudkan satu budaya pertanian moden, bukan budaya tani. Saya harap dengan correction, dengan izin, dapat dimasukkan hal ini, kerana kalau kita kata kita hendak mewujudkan budaya tani, maksudnya, satu keadaan yang regressive akan berlaku di dalam objektif Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan \$10 juta untuk Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut dengan tujuan memberi dan

mengambil alih tanah dan lain-lain belanja pembangunan, saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan lebih-lebih lagi pada masa kita sedang membangunkan sektor ekonomi pelancongan. Walau bagaimanapun, pengwujudan taman laut dan rezab laut tidak akan bermakna jika peruntukan untuk menjaga dan menguruskannya tidak diberi dengan mencukupi. Kita mempunyai banyak tempat di Semenanjung, di Sabah dan di Sarawak untuk dijadikan taman laut yang indah di rantau ini, tetapi malangnya tempat-tempat ini dikotori dengan sampah sarap hasil kehidupan manusia moden.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil berat mengenai hal ini melalui peruntukan penyenggaraan yang cukup. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengenakan cukai atau apa-apa cara untuk mengongsi kos penyenggaraan ini dengan pihak swasta khususnya hotel-hotel dan peniaga-peniaga tepi pantai kerana hotel-hotel dan peniaga-peniaga inilah yang mendapat manfaat dari usaha Kerajaan ini dan mereka jugalah sumber-sumber pengotoran pantai ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menarik perhatian Kementerian Pertanian di dalam usahanya untuk mengindahkan rezab laut dan taman laut supaya berwaspada di dalam menanam pohon-pohon decorative, dengan izin, dan memasukkan binatang-binatang belaan secara liar. Di dalam akhbar *The New Straits Times* hari ini, seorang pakar ekologi Malaysia iaitu Dr Anthony Santiago telah menceritakan akibat penanaman pokok gam dari Australia oleh pihak India di mana ekoloji tempatan dirosakkan oleh pohon-pohon import ini. Kita tidak mahu perkara ini diulangkan di Malaysia, di dalam keghairahan kita

menggunakan pohon-pohon baru ataupun binatang-binatang baru di tempat tertentu. Pokoknya di sini ialah kita perlu menggunakan sumber-sumber tempatan sepenuhnya. Dengan itu, saya pohon menyokong pindaan Jadual Kedua Akta Acara Kewangan 1987.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

5.03 ptg.

**Tuan Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan sama untuk membahaskan usul yang dibuat oleh Menteri Kewangan meminda Jadual Kedua Akta Acara Kewangan 1987 yang dibentangkan di dalam Dewan ini.

Yang pertama sekali, saya akan menyentuh Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang berjumlah sebanyak \$3 juta. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Belia dan Sukan yang telah mengambil perhatian yang berat kepada pertubuhan dan persatuan belia yang ada di seluruh negara kita pada masa ini sehingga sanggup menyediakan satu peruntukan yang saya anggap sebagai satu peruntukan permulaan bagi menggerakkan semula nadi kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti belia yang ada di seluruh negara kita pada masa ini.

Wang sebanyak \$3 juta ini kalau hendak dibandingkan dengan pertambahan belia dan juga kegiatan persatuan belia amatlah kecil, tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi, sebagai permulaan bagi menggerakkan kegiatan belia, maka wang yang sebanyak ini adalah menjadi tujuan utama supaya dapat digunakan sepenuhnya untuk

membantu kegiatan-kegiatan perniagaan dan juga pertanian belia di seluruh negara ini. Dalam soal ini, saya suka memberi pandangan dan mengesyorkan supaya wang yang sebanyak \$3 juta ini, yang pertama sekali, hendaklah wang ini dilaburkan supaya dapat pertambahan keuntungan di dalam pelaburan daripada wang yang diperuntukkan tadi supaya pertambahan keuntungan itu dapat disatukan sebagai satu kumpulan wang untuk menolong belia-belie kita.

Yang saya sebutkan ini, kerana satu ketika dahulu, Kementerian Kebudayaan pada waktu itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun memberi peruntukan dan bantuan di dalam sumbangan kepada belia untuk projek belia niaga, belia tani dengan jumlah kewangan yang banyak. Tetapi pada hari ini kita dapati wang yang diberi pinjam tidak dapat dipungut balik oleh Kementerian, bahkan hari ini peminjam-peminjam daripada golongan belia tadi tidak dapat dikesan, sama ada belia itu masih hidup ataupun mati tidak berkubur. Lebih daripada \$1 juta tidak dapat dipungut kembali walaupun usaha-usaha sedang dijalankan. Ini menunjukkan satu kelemahan, sama ada kelemahan itu di peringkat pelaksanaan ataupun di peringkat penerimaan iaitu golongan belia.

Dalam soal ini, wang yang diperuntukkan yang dibentangkan dalam Dewan ini dapat diberi perhatian oleh Kementerian yang bertanggungjawab supaya wang ini hanya dapat disalurkan kepada belia-belie yang benar-benar mempunyai kelayakan dan kemampuan. Sebagai satu kumpulan sasaran, maka saya suka mengesyorkan;

Pertama sekali, belia-belie di kawasan luar bandar haruslah diberi keutamaan kerana mereka ini adalah

satu golongan belia yang paling ramai di kawasan-kawasan yang mundur yang tidak mempunyai segala kemudahan dan bantuan yang diberi kepada mereka.

Kedua, belia-belia yang bergerak cergas di dalam mana-mana persatuan yang maju.

Ketiga, belia-belia yang mempunyai asas-asas perniagaan dan juga asas pertanian.

Keempat, belia-belia yang menjadikan projek industri kampung sebagai projek utama kegiatan belia itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kumpulan sasaran utama, kita dapati belia-belia kita pada masa ini kekurangan di dalam pengetahuan untuk menjalankan perniagaan dan juga pertanian. Maka adalah wajar sekiranya Kementerian berkenaan dapat memberi keutamaan taraf dan nilai ekonomi kepada belia-belia tadi, berdasarkan sebelum daripada pengeluaran pinjaman yang diberi, maka hendaklah belia-belia itu diberi latihan, kursus yang cukup di dalam bidang-bidang yang tertentu.

Kerana kita bimbang, Tuan Yang di-Pertua, hari ini banyak Persatuan-persatuan Belia yang telah mati, yang wujud hanya di waktu Kerajaan menyediakan peruntukan pinjaman, selepas wang itu diberi pinjam setahun atau dua tahun ahli dalam persatuan itu hilang dan persatuan itu mati. Ini dapat dibuktikan dengan begitu banyak Persatuan-persatuan Belia yang ada di seluruh negara ini telah menerima peringatan dan amaran daripada Pendaftar Pertubuhan kerana Persatuan Belia yang ada itu tidak berfungsi lagi dan tidak wujud lagi. Dengan sebab itulah banyak Persatuan-persatuan Belia yang telah ditutup ataupun dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan.

Dalam hakikat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Belia dan Sukan sebagai satu Kementerian yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan wang pinjaman ini, supaya dari segi kegiatan belia wujud atau tidak wujud, belia itu hendaklah juga diambilkira di dalam penyiasatan sebelum permohonan pinjaman itu diluluskan kepada Persatuan Belia. Kadangkala kesempatan ini diambil oleh mereka yang sengaja untuk mengambil kesempatan dan mencari keuntungan dengan menggunakan Persatuan Belia itu sebagai satu alasan dengan semata-mata untuk mendapat pinjaman daripada Kementerian ataupun daripada Jabatan Belia dan Sukan.

Sekiranya perkara-perkara yang saya sebut tadi tidak diambilkira, maka kita akan menerima kegagalan kembali di atas hasrat Kerajaan kita, di atas hasrat pemimpin-pemimpin kita untuk menolong dan membantu belia-belia tadi. Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, hendaklah diambilkira dalam semua aspek perkiraan kegiatan belia itu, termasuklah supaya diberi perhatian yang khusus pinjaman ini kepada belia-belia tadi yang tidak bercorak perkauman, kerana ini akan menjejaskan perhubungan dan juga bentuk dan tujuan utama wang ini ataupun tabung ini diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita dapati lebih daripada 7 juta belia-belia yang ada di seluruh negara yang memasuki Persatuan-persatuan Belia, tetapi kita tidak mengetahui dalam hakikat sebenarnya bahawa belia-belia itu di mana berada dan di manakah tujuan mereka yang sebenar. Adakah semata-mata kita menggalakkan persatuan itu tumbuh di bandar ataupun di luar bandar ataupun di mana-mana sahaja dengan hasrat untuk mengumpulkan belia-belia tadi di dalam satu kumpulan belia dalam

satu pasukan belia, tetapi asas-asas tujuan kita, kita tidak beri nilai-nilai dan keutamaan sebagai satu kumpulan sasaran yang benar-benar untuk memberi pertolongan kepada mereka dan juga kita perlu mendapat sokongan yang kuat daripada semua agensi Kerajaan, semua pihak supaya apa sahaja yang akan dilakukan oleh Persatuan Belia dan oleh belia-belia kita tadi dapat simpati, bukan sahaja simpati itu dari Kementerian Kewangan yang membentangkan peruntukan, Kementerian Belia dan Sukan, tetapi daripada semua pihak agensi Kerajaan. Kadangkala Kementerian meluluskan peruntukan pinjaman, maka tidak dapat pula belia itu menjalankan perniagaan kerana tidak mendapat kelulusan tempat dan sebagainya daripada Jabatan-jabatan yang terlibat seperti Majlis-majlis Daerah dan Perbandaran di negeri-negeri.

Begitu juga sekiranya Kementerian Belia dan Sukan meluluskan peruntukan pinjaman kepada Persatuan Belia kepada projek-projek pertanian, tetapi tidak pula mendapat sokongan dan pertolongan daripada agensi-agensi Kerajaan yang bercorak pertanian. Perkara ini dirasa oleh belia-belia di seluruh negara terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Saya sebut ini kerana saya rasa semua termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini terlibat sama dengan belia di kawasan masing-masing, yang kita menghadapi suasana ini, sungutan dan rungutan dari masyarakat belia, bahawasanya mereka tidak mendapat sokongan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang tertentu. Di dalam soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, haruslah dapat diberi fahaman yang jelas akan matlamat dan tujuan kita.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Selain daripada untuk mengelakkan dan mengurangkan pengangguran di

kalangan belia, kita juga mengelak belia-belia kita supaya tidak terlibat dalam perkara-perkara najis dadah dan sebagainya, yang boleh merosakkan belia itu sendiri semata-mata kewangan yang disediakan ini untuk kepentingan belia di dalam soal perniagaan. Pinjaman yang diberi itu pula, Tuan Yang di-Pertua, haruslah dapat dipungut balik sebagai satu modal pusingan.

Sebagaimana yang saya kata awal-awal tadi, saya masih ingat lagi satu ketika dahulu Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memperuntukkan kepada belia-belia beberapa buah motosikal untuk belia menjalankan perniagaan dengan bermotor, tetapi hari ini saya dapati motosikal itu tidak dapat dilihat lagi, bahkan apabila kita tanya, tidak tahu siapa yang mempunyai, tidak tahu siapa yang membawa. Kalau tidak silap saya dalam satu kawasan Parlimen pada ketika itu sebanyak 10 buah motosikal diberi.

Cubalah kita kirakan kalau seluruh negara kita ada kawasan Parlimen atau jajahan, tetapi ke manakah pergi rancangan ini? Inilah yang kita bimbang dan kita takut, maka dengan sebab itu waktu untuk menilai dan meneliti segala permohonan belia, aspek-aspek yang saya sebutkan tadi perlu diambilkira sama. Walaupun kita kata belia kita ramai di negara ini, berjuta-juta, tetapi belia-belia yang memasuki persatuan itu hendaklah diberi keutamaan dan belia-belia atau persatuan yang bergerak cergas itu hendaklah diberi keutamaan balik daripada persatuan yang bagus, ahli yang bergerak cergas, janganlah diberi kepada belia-belia yang tidak masuk mana-mana persatuan. Kalau dengan cara itu barulah nilai-nilai belia dan persatuan itu dan pengawasannya dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah Tabung Amanah Taman Laut

dan Rezab Laut yang dibentangkan berjumlah sebanyak \$10 juta, saya turut menyokong di atas peruntukan ini, tetapi hendaklah perjalanan dan juga pelaksanaannya diambil kira, diberi keutamaan kepada kawasan-kawasan atau tempat-tempat yang kurang maju untuk sebagai satu tempat penarikan pelancong terutama di kawasan-kawasan pantai timur ataupun di kawasan-kawasan pendalaman di pantai timur yang mempunyai potensi penarikan pelancong bukan sahaja di laut tetapi di kawasan pergunungan juga dapat diberi keutamaan supaya dapat kita menarik pelancong dengan lebih ke kawasan-kawasan pendalaman, dengan cara itu kegiatan-kegiatan pelancongan ini dapat sama dinikmati oleh penduduk di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya sama turut menyokong Usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan di dalam Kawasan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Muar.

5.22 ptg.

**Tuan Mohamed Sam bin Sailan (Muar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan untuk meminda Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957 dengan menambah butiran-butiran baru seperti berikut: Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dan juga Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah mencadangkan untuk menubuhkan Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, sudah

tentu sebagai satu negara yang membangun dengan mempunyai penduduk sebahagian besarnya terdiri dari kalangan belia, Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini boleh mendatangkan faedah yang berkesan dan boleh membantu pihak Kerajaan untuk mempercepatkan pembangunan negara dan bangsa. Lebih-lebih lagi jika dilihat bahawa tugas dan tanggungjawab untuk membangunkan para belia bagi kepentingan masa depan bangsa dan negara bukan sahaja terpulang kepada Kementerian-Kementerian yang lain khususnya Kementerian Pendidikan juga Kementerian-kementerian lain juga harus terlibat supaya tugas dan tanggungjawab untuk membangunkan para belia ini sebagai satu generasi belia yang produktif menjadi tugas dan tanggungjawab bersama.

Kita sedar bahawa Kementerian Pendidikan melalui dasar pendidikannya pada masa ini sudah tidak lagi mampu untuk melahirkan para belia yang memenuhi kehendak pasaran tenaga buruh. Dasar pendidikan hanya mampu untuk melahirkan belia-belia berilmu tetapi tidak mampu untuk melahirkan belia-belia yang mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu sejajar dengan kehendak pasaran buruh yang ada dalam pasaran yang ada pada masa ini.

Oleh hal yang demikian, penubuhan kepada Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini adalah sejajar untuk memberikan sambungan kepada tugas dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan yang pada hakikatnya pada tiap-tiap tahun melahirkan pengeluaran tenaga buruh, tenaga belia yang tidak kurang jumlahnya lebih kurang 300,000 orang.

Kita tahu juga bahawa banyak usaha-usaha Kerajaan melalui Tabung-tabung Amanah, melalui projek-projek bantuan dan kemudahan-kemudahan yang telah

disediakan untuk membantu para belia ini. Kerajaan baru-baru ini telah menubuhkan apa yang kita sebut sebagai Bantuan Siswa Tani tetapi malangnya dalam aspek ini bantuan ini tidak begitu menguntungkan kepada pihak siswa sendiri kerana adanya halangan-halangan dan restrictions dari segi kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri mahupun daripada badan-badan kewangan ataupun institusi-institusi kewangan.

Kerajaan juga telah membantu dan pada tahun lepas kita telah memperuntukkan sebanyak \$10 juta untuk mengadakan bantuan kerja sementara kepada siswazah-siswazah universiti dan malangnya daripada jumlah pengangguran siswazah yang makin lama makin meningkat dan sekarang ini berjumlah lebih kurang 50,000 orang tetapi dengan peruntukan ini juga tidak dapat membantu untuk menyelesaikan masalah pengangguran di kalangan siswazah-siswazah. Justeru itu pembentukan Kumpulan Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini sudah sampai kepada masa dan ketikanya walaupun pada kali ini peruntukan hanya sebanyak \$3 juta sahaja yang diperuntukkan tetapi ini adalah merupakan satu peruntukan permulaan. Yang penting bagi kita di Dewan yang mulia ini ialah untuk meluluskan penubuhan Tabung Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini sebagai satu tabung tambahan kepada beberapa tabung kemudahan yang lain yang boleh kita gunakan untuk membantu para belia yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengalaman-pengalaman kita pada masa-masa yang lepas, kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada para belia melalui bantuan-bantuan dan pinjaman-pinjaman kewangan dan sebagainya sama ada projek-projek yang dijalankan oleh MARA mahupun oleh Jabatan Belia dan

Sukan ataupun daripada badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain kerap kali kita menghadapi masalah sukar untuk mendapatkan pulangan balik kepada pinjaman-pinjaman ini.

Dan pada setengah-setengah badan sehingga kumpulanwang itu tidak dapat ditambah atau dipulangkan balik, dipenuhkan balik dengan sebab pulangan-pulangan itu begitu kecil dan tidak dapat kumpulan tabung amanah itu digunakan untuk meneruskan projek-projek.

Justeru itu, bagi penubuhan Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini dari peringkat awal-awal lagi kita perlu memberikan penjagaan yang sepenuhnya supaya wang itu bukan sahaja dapat digunakan untuk kepentingan para belia pada masa ini tetapi juga para belia yang diberikan kemudahan itu dapat membayar balik dan kumpulan itu boleh seterusnya digunakan bagi memberikan pinjaman kepada belia-belia yang akan datang.

Justeru, itu saya suka memberikan sedikit pandangan supaya penggunaan wang itu dapat kita jaga dengan sepenuhnya daripada peringkat awal-awal lagi dari dua aspek iaitu aspek bantuan modal sama ada bantuan modal ini adalah modal pusingan ataupun modal membekalkan alat-alat dan aspek yang kedua ialah dari segi bantuan perbelanjaan latihan sama ada latihan yang diberi ini adalah latihan secara terus ataupun bantuan latihan itu secara indirect, dengan izin.

Bagi aspek yang pertama iaitu bantuan modal dan bantuan modal dari aspek modal pusingan, kita mesti menjadikan pengalaman-pengalaman bantuan-bantuan pinjaman pada masa-masa yang lepas sebagai satu pengalaman dan pada masa-masa akan datang haruslah difikirkan bahawa bantuan yang hendak diberikan kalau boleh hendaklah kepada para belia yang telah menjalankan perniagaan

iaitu untuk membantu perniagaannya untuk membesar. Kerana dengan cara begini kita telah memastikan bahawa dengan perniagaan yang sedang ada, yang sedang dijalankan oleh para belia itu telah meyakinkan kita bahawa pertambahan modal yang kita berikan akan dapat membantu para belia itu bukan sahaja untuk mempertingkatkan lagi perniagaannya tetapi juga untuk memperkemaskan perniagaannya. Mengikut pengalaman-pengalaman perniagaan, tanpa pengalaman agak sukar para belia untuk memajukan perniagaannya. Perniagaan bukanlah satu proses trial and error, dengan izin.

Kalau perniagaan dijalankan melalui trial proses and error, error yang dilakukan akan melibatkan kerugian dan kalau kerugian ini akhirnya akan menimbulkan kegagalan dalam perniagaan, pinjaman yang diperolehi untuk mengadakan modal itu bukan sahaja perlu dibayar dan akan menyusahkan pihak peniaga itu tetapi juga akan terus melemahkan usahanya untuk memajukan. Lebih-lebih lagi kalau kita lihat bahawa para belia ini adalah daripada peringkat umur yang rendah kalau menghadapi kegagalan perniagaan dengan hutangnya agak sukar untuk dibayar masa depan mereka adalah gelap sekali.

Selain daripada modal pusingan, saya juga ingin membahaskan dari aspek modal alat. Dengan masalah-masalah yang telah saya bangkitkan tadi, saya fikir penggunaan wang itu bolehlah kita bekalkan kepada peniaga-peniaga alat-alat yang boleh digunakan untuk perniagaannya. Dengan pembekalan alat-alat ini saya fikir modal itu dapat digunakan dengan lebih sempurna kerana dengan pembekalan alat kita nampak modal itu ada faedahnya dan ada barangnya yang kita nampak. Dengan demikian, dengan alat yang ada para belia boleh

menggunakan untuk meningkatkan perniagaan.

Aspek yang kedua yang saya ingin bangkitkan di sini ialah bantuan perbelanjaan latihan. Pada masa yang lepas Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah merancang satu sistem pendidikan yang kita sebut vocational school, dengan izin, tetapi malang sekali sistem ini tidak difahami bukan sahaja oleh pihak Kerajaan mahupun pihak rakyat dan juga pihak pendidik sehingga sistem yang begitu baik yang boleh mendatangkan kemahiran tertentu kepada para pelajar telah tidak dapat kita teruskan. Sistem vokasional hendaklah kita mempertingkatkan dan Kementerian Belia dan Sukan boleh mengambil alih dengan mengadakan beberapa institusi kemahiran di peringkat daerah-daerah dan dengan adanya institusi kemahiran sama ada jangka pendek ataupun jangka panjang kelulusan daripada sekolah-sekolah ini yang sebahagian besarnya tidak dapat ditampung oleh institusi pelajaran tinggi boleh kita salurkan kepada institusi ini untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran tertentu. Kumpulan Wang ini yang boleh kita gunakan untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar sama ada dalam bentuk pinjaman ataupun dalam bentuk bantuan (scholarship).

Saya percaya kalau ini dapat kita laksanakan sama ada dalam bentuk kursus 3 bulan ataupun 6 bulan dengan tahap kemahiran ataupun separuh kemahiran yang diperolehi dapat menimbulkan minat oleh para belia ini untuk mempertingkatkan kemahiran masing-masing dan dengan demikian dapat menggunakan kemahiran itu melalui penawaran kerja-kerja, penawaran perkhidmatannya atau servicenya sama ada dalam agensi-agensi Kerajaan mahupun syarikat-syarikat swasta.

Satu lagi cara yang dapat kita gunakan ialah dengan

mengabsorbkan, dengan izin, belia-belia ini dalam satu-satu syarikat yang tertentu dengan memberi subsidi gaji kepadanya. Ini bukan sahaja boleh memberikan kemahiran secara terus ataupun latihan secara terus kepada para belia yang diabsorbkan kepada syarikat-syarikat berkenaan tetapi juga dapat membantu syarikat-syarikat tersebut mendapatkan tenaga-tenaga buruh dengan bantuan daripada Kerajaan. Dengan adanya bantuan yang demikian dan skim yang demikian, kita dapat faedahnya dua hala, yang pertama faedah kemahiran kepada para pekerja ataupun belia-belia yang kita letakkan sebagai trainee dalam syarikat-syarikat tersebut dan faedah yang kedua ialah syarikat itu berpeluang untuk membesar dengan bantuan subsidi gaji yang diberikan oleh Kerajaan dan dengan tambahan pembesaran kepada syarikatnya mampu untuk memberi peluang kerja yang lebih kepada para belia yang lain. Cara demikian bukan sahaja dapat memberikan pendedahan kemahiran kepada para belia itu tetapi juga memberikan kemudahan-kemudahan dan pendedahan-pendedahan untuk berniaga dan saya percaya dengan pendedahan-pendedahan demikian, mampu untuk para belia ini memberikan perkhidmatannya ataupun apabila sudah agak mahir dalam perniagaan mampu pula untuk membuka perniagaan-perniagaannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara yang demikian, saya fikir Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini dapat memberi munafaat yang lebih yang saya percaya dapat memberi peluang pula kepada para belia untuk menggunakannya dan masalah kegagalan seperti setengah daripada kemudahan-kemudahan diberikan oleh Kerajaan melalui agensi-agensinya tidak akan berlaku.

Satu perkara lain yang saya ingin sebutkan di sini ialah masalah bayaran balik . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mendapat sedikit penjelasan. Belia-belia yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi ialah bererti belia yang selepas mereka belajar Darjah 6 ataupun selepas mereka lepas dari SRP yang gagal untuk masuk ke Tingkatan 4 ataupun belia yang sudah gagal di dalam peperiksaan Tingkatan 5 atau SPM?

**Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya bangkitkan ialah keseluruhan daripada belia yang ada. Tiap-tiap tahun kita tahu kelulusan daripada sekolah-sekolah, sama ada lulus Darjah 6 ataupun tak lulus Darjah 6, lulus Sijil Rendah Pelajaran ataupun tak lulus Sijil Rendah Pelajaran ataupun lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ataupun tak lulus Sijil Pelajaran Malaysia, sebahagian besar daripadanya tidak mampu untuk mendapatkan tempat melanjutkan pelajaran ke institusi yang lebih tinggi. Sama ada mereka lulus ataupun mereka tidak lulus, saya rasa hanya lebih kurang 20% sahaja daripada mereka ini yang dapat diberikan kesempatan melanjutkan pelajaran, sama ada Tingkatan 6 ataupun di kolej-kolej yang mengeluarkan ijazah diploma ataupun di seberang laut. Daripada baki 80% ini sedikit sahaja yang dapat diabsorbkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan dan sebahagian besar daripada mereka terpaksa mencari penghidupan baru, sama ada bekerja sendiri menawarkan kerja ataupun menawarkan perkhidmatannya. Ini bermakna bahawa tiap-tiap tahun lebih kurang 200,000 daripada para belia yang telah menjalani proses pendidikan selama lebih kurang 11 tahun setengahnya, mahupun 7 tahun setengahnya yang terpaksa berada dalam pasaran buruh.

Walaupun Kerajaan memberikan peruntukan yang besar dan mendidik mereka, tetapi sebahagian besar daripada mereka, malahan boleh dikatakan 95% daripada mereka tidak ada sebarang kemahiran pun dan mereka inilah yang perlu diberikan bantuan untuk mendapatkan sedikit kemahiran.

Sebenarnya mereka ini sepatutnya menjadi sasaran kepada kita semua kerana bukan sahaja mereka tidak menggunakan perbelanjaan yang besar yang dikhaskan oleh Kementerian Pendidikan jika dibandingkan dengan mereka yang telah menggunakan kemudahan Kerajaan, sama ada dalam bentuk mendapatkan tempat di universiti mahupun menggunakan perbelanjaan Kerajaan seperti yang telah pun mempunyai ijazah ataupun diploma. Tetapi pandangan kita pada masa ini ialah mereka yang telah pun mendapatkan kemudahan daripada Kerajaan mendapatkan ilmu sehingga setengahnya mendapat ijazah menggunakan perbelanjaan Kerajaan yang besar, bukan sahaja semasa mereka di universiti malahan setengahnya mendapat biasiswa dan pinjaman, tetapi penekanan kita pada masa ini ialah kepada mereka ini sehingga kita begitu berminat untuk memberikan beberapa skim; skim bantuan siswazah, skim bantuan pertanian siswazah pada hal lebih kurang 70% daripada kalangan belia kita yang kurang bernasib baik, bukan sahaja tidak mendapat tempat menuntut di universiti-universiti ataupun di institusi-institusi tertinggi, juga kurang perbelanjaan Kerajaan kepada mereka ini, tetapi kepada mereka, kita hanya memberikan peruntukan \$3 juta sahaja Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, ini pun baru tahun ini kita baru hendak meluluskan.

Ini menunjukkan bahawa sasaran kita, saya rasa adalah agak silap kerana kita menekankan kepada

mereka yang mempunyai ijazah, kita menekankan kepada mereka yang telah pun menggunakan perbelanjaan yang besar, duit rakyat, duit Kerajaan tetapi kepada mereka yang tidak bernasib baik yang hanya menggunakan duit Kerajaan setakat Darjah 6 mana yang terpaksa keluar pada masa Darjah 6, yang hanya menggunakan perbelanjaan Kerajaan hanya sampai setakat Tingkatan 3 kalau masing-masing keluar di peringkat Tingkatan 3 dan setengahnya yang hanya menggunakan perbelanjaan Kerajaan apabila mereka keluar pada Tingkatan 5, tetapi mereka ini kita tidak memberikan tekanan sehingga sampai pada hari ini kita lihat masalah-masalah sosial yang timbul di sana sini kita nampak para belia berkeliaran di kompleks-kompleks, di tepi-tepi jalan, di panggung-panggung wayang dan sebagainya dan timbul pula masalah-masalah yang lain, penyalahgunaan dadah, pencurian di sana sini.

Saya percaya kalau kita memberikan tekanan yang lebih dengan memberikan kemudahan-kemudahan sehingga membolehkan mereka ini mendapatkan kemahiran-kemahiran tertentu dengan mengadakan skim-skim latihan seperti penubuhan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dengan harapan bahawa peruntukan \$3 juta itu mestilah ditambah, bukan setakat \$3 juta malahan kita tambah sampai 100 kali besarnya, katakan sampai \$300 juta memandangkan bahawa kalau kita boleh berikan peruntukan \$10 juta setahun kepada masalah mengadakan skim siswazah sementara dan kita begitu berminat untuk memberikan tanah kepada siswazah tanah sehingga di peringkat negeri-negeri diarahkan untuk memberikan satu kawasan tanah satu orang sampai 15 hektar dan sebagainya. Kalau kita sanggup berbuat demikian, kita mesti juga sanggup untuk melakukan keadilan, malahan lebih adil kalau kita

berikan tekanan kepada para belia yang kurang bernasib baik untuk mendapatkan kemudahan pendidikan daripada Kerajaan.

Saya percaya dan saya tekankan di sini \$3 juta memanglah satu jumlah yang sangat kecil dan kalau boleh, kita luluskan satu peruntukan berjumlah lebih kurang \$100 juta setahun untuk memastikan bahawa para belia yang berjumlah begitu besar diberikan kemudahan-kemudahan, bukan sahaja kemudahan-kemudahan latihan supaya mereka ini mendapat kemahiran-kemahiran tertentu, tetapi juga peluang-peluang mereka untuk berdikari dengan mengadakan modal-modal, sama ada dalam bentuk modal pusingan ataupun modal-modal membeli alat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sistem yang lebih teratur dengan skim-skim mengadakan kemahiran dan sebagainya, saya percaya kegagalan sistem-sistem ataupun projek-projek lama seperti yang kita alami sekarang ini, iaitu masalah bayaran balik yang dihadapi oleh MARA ataupun Jabatan Belia dan Sukan, akan tidak menjadi masalah.

Selama ini kita memberikan kepada para belia yang hanya sanggup ataupun mampu untuk memberikan kertas kerja. Kertas kerja boleh dibuat, kalau tak boleh dibuat dengan sendiri, boleh kita suruh sesiapa yang mahir untuk membuatnya. Dengan hanya setakat mengadakan kertas kerja dan setengahnya tidak mempunyai kemahiran tertentu malah setengahnya tidak mempunyai pengalaman terlibat dalam perniagaan-perniagaan ataupun projek-projek pertanian, cara yang demikian kalau kita berikan pinjaman, saya pasti kita akan menghadapi kegagalan. Tetapi kalau kita mengadakan latihan kemahiran dan kita pilih bantuan-bantuan modal dan bantuan alat-alat ini kepada mereka

yang betul-betul mahir ataupun mereka yang telah teruji yang telah menjalankan perniagaan, masalah bayaran balik, ataupun pulangan balik kepada pinjaman ini, saya percaya dapat kita perbaiki daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Banyak lagi, Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Dua minit sahaja.

Penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ada hubungan rapat kepada penubuhan Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut ini. Saya percaya Kerajaan sedar bahawa satu sumber pendapatan negara yang besar boleh kita perolehi dengan meningkatkan kemudahan pelancongan yang ada dalam negara kita supaya pelancong-pelancong daripada luar negeri berminat untuk datang ke negara kita. Kalau kita boleh mengadakan kemudahan-kemudahan dan kita jadikan tarikan negara kita ini sama seperti negara-negara jiran umpamanya Singapura, Thailand ataupun Indonesia, saya berkeyakinan bahawa kita akan dapat menambahkan pendapatan negara melalui sumber pelancongan dan penubuhan kepada Tabung Amanah Laut dan Rezab Laut ini memang sudah kena pada masanya.

Peruntukan \$10 juta ini saya percaya, kalau kita gunakan sepenuhnya dan dengan sebaiknya boleh mampu untuk mengindahkan pulau-pulau dan pantai-pantai yang dianggap sebagai pulau dan pantai yang tidak kurang baiknya jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Dan dengan peningkatan kepada tahap keindahan pulau-pulau dan pantai-pantai ini kita

mengharapkan bahawa pelancong-pelancong akan bertambah daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyokong usul yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.55 ptg.

**Tuan S. Subramaniam (Hulu Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang dari Kementerian Kewangan berhubung dengan Jadual Kedua Akta Acara Kewangan bagi menubuhkan Kumpulanwang Amanah Pembinaan Ekonomi Belia dan Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian yang telah memperuntukkan sejumlah \$3 juta dan juga \$10 juta di atas dua aspek yang begitu penting di dalam keadaan ekonomi negara kita pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian pihak Kementerian Kewangan iaitu pada awal petang ini Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan ekonomi negara kita telah pulih dan bertambah baik. Dengan keadaan begitu, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian kenapa kita hanya dapat memperuntukkan \$3 juta sahaja untuk membaiki ekonomi belia-belia di negara kita? Sepertimana kita semua telah ketahui ada sebahagian besar belia dalam negara kita yang masih tidak dapat memperolehi pekerjaan dan dengan keadaan begitu, saya rasa Kerajaan haruslah mengambil berat untuk menolong dan membantu pihak belia di dalam negara kita.

Jika kita mengkaji jumlah peruntukan yang telah diberikan di

atas perkara ini—\$3 juta itu dan jika kita membahagikan kepada seorang belia sejumlah \$2,000 atau \$3,000, nampaknya kita dapat membantu hanya lebih kurang, 2,000 atau 3,000 orang belia di negara kita. Jika kita mengambil kira ada sejumlah lebih kurang 6 juta belia di dalam negara kita, ini akan menjadi satu angka lebih kurang 0.1% atau 0.2% sahaja. Inilah satu perkara yang amat mengecewakan oleh kerana dalam keadaan ekonomi di mana untuk memperolehi peluang pekerjaan sangat sukar, saya rasa pihak Kementerian harus membantu dengan satu tabung yang lebih besar dan saya menyokong penuh apa yang telah dikatakan oleh rakan saya dari Muar sebentar tadi untuk menambahkan peruntukan ini dengan satu peruntukan yang lebih memuaskan.

Tetapi saya ingin juga menyentuh sedikit sebanyak di atas urusan tabung ini apabila ianya dapat dilaksanakan, apabila ia mendapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan dan saya ingin mencadangkan untuk membantu semua lapisan belia tidak kira dari mana-mana kaum suatu Jawatankuasa khas harus ditubuhkan dan ahlinya terdiri daripada tiga kaum yang penting di dalam negara kita iaitu daripada kaum Melayu, Cina dan India yang dapat mewakili di dalam Jawatankuasa ini supaya hasil daripada peruntukan ini dapat dilaksanakan kepada semua kaum yang ada di dalam negara kita. Dengan cara inilah satu keadaan yang lebih baik antara kaum boleh dilaksanakan dengan memperolehi satu peruntukan yang lebih besar dari Kerajaan kita.

Saya beralih kepada Tabung yang telah diperuntukkan \$10 juta untuk mengindahkan atau memperbaiki Taman Laut dan Rezab laut kita. Saya suka menarik perhatian Kerajaan kita bahawa Tabung ini juga begitu penting oleh kerana di dalam suasana ekonomi

yang telah merosot, kita harus menggunakan Tabung ini untuk membaiki dan membina beberapa sistem infrastruktur kepada kawasan-kawasan laut yang ada di dalam negara kita di dalam mana pelaburan dan juga aktiviti ekonomi dan aktiviti pembinaan boleh dilaksanakan dalam kawasan rezab laut di dalam negara kita oleh kerana tanpa infrastruktur kita tidak boleh menambahkan tindakan-tindakan, aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam negara kita. Jika kita mengkaji kawasan-kawasan yang ada di dalam "swamp land", dengan izin, sebahagian besar kawasan rezab laut di dalam negara kita ini di dalam kawasan "swamp land" dan jika kita boleh membawa infrastruktur yang baik ke kawasan tersebut, saya rasa akan lebih aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan rezab laut boleh dilakukan dan pelabur daripada luar negeri pun boleh sampai. Bukan sahaja daripada segi memperoleh keuntungan daripada aktiviti pelancongan, kita boleh juga menambahkan aktiviti pembinaan dan juga aktiviti untuk menambahkan modal di dalam negara kita.

Saya suka menarik perhatian Kerajaan kita supaya janganlah mensia-siakan peruntukan ini di atas projek-projek mewah seperti yang telah berlaku di dalam beberapa kawasan negara kita, umpamanya di Pulau Langkawi di mana sebuah hotel besar telah pun dibina oleh pihak agensi Kerajaan. Baru-baru ini kita dapat tahu projek itu telah pun diswastakan kepada orang lain.

Begitu juga di Pulau Tioman dan juga beberapa kawasan di Pantai Timur negara kita. Saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan, kita harus menggunakan peruntukan ini untuk membina jeti-jeti, jalan-jalan ataupun untuk membaiki keadaan di kawasan-kawasan laut di negara kita untuk

menarik minat bukan sahaja dari pelaburan-pelaburan asing tetapi juga pelaburan-pelaburan dari negara kita untuk menambah aktiviti-aktiviti ekonomi negara kita.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Ini yang terakhir.

*6.01 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian dan membahaskan cadangan daripada Kementerian Kewangan berhubung dengan Seksyen 10 (4) (a) Jadual Kedua, Akta Acara Kewangan bagi meminda butir-butir berkenaan dengan tujuan menubuhkan "Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia" dan "Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut".

Tuan Yang di-Pertua, telah pun banyak diperkatakan dan diperbahaskan serta disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu betapa pentingnya keadaan belia-belia kita pada hari ini yang menjadi harapan bangsa kita, jenerasi yang akan datang supaya mereka ini akan menjadi orang yang berguna untuk menggantikan tempat kita semua sama ada di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan.

Di atas usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian ini, Kementerian Kewangan yang mengeluarkan \$3 juta wang pendahuluan bagi Tabung Amanah ini sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam bahawa \$3 juta ini hanyalah untuk permulaan bagi tahun 1987 ini sahaja dan mengikut ucapan beliau juga ini

berkemungkinan akan diperbanyakkan atau ditambahkan lagi apabila kumpulan ini berkehendakkan lagi.

Dalam soal ini kita mengharapkan supaya rancangan yang akan dijalankan oleh pihak Kerajaan ini dapat berjalan dengan baik dan lancar. Kita tidak mahu pihak Kerajaan mengadakan bermacam-macam projek sama ada Yayasan, Amanah dan sebagainya bagi menolong belia-belia dan juga yang lain-lain. Tetapi kegagalan yang ditimpa yang kita dapati kurang sekali dapat memuaskan apa yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Dalam soal ini, saya mengharapkan supaya mendapat kerjasama daripada semua pihak terutamanya pihak Kerajaan, kakitangan Kerajaan yang seharusnya mereka ini faham di atas dasar Kerajaan dan juga faham tentang Kementerian yang mereka duduki.

Apa yang saya ingin sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang belia-belia berniaga. Mereka seringkali datang berjumpa dengan saya meminta pertolongan dan juga recommendation, dengan izin, ataupun surat akuan yang menyatakan mereka hendak berniaga dan seterusnya kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan. Tetapi malangnya seringkali saya menerima aduan balik daripada belia-belia ini mengatakan mereka sudah pergi ke Kementerian yang berkenaan tetapi tidak ada layanan dari pegawai yang bertugas itu—muka pun tidak hendak pandang.

Dalam soal ini, rasa saya, perkara yang semacam ini juga berlaku semalam. Dulu semalam saya telah buat sepucuk surat recommendation kepada Kementerian Kewangan, kepada belia yang baru balik daripada luar negeri yang mana pihak Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri kita telah pun mengatakan akan diadakan “Projek Belia Siswazah” dan sebagainya dan mereka telah menyambut seruan itu. Malangnya apa yang saya sebutkan tadi, pegawai yang berkenaan itu tidak pun melayan akan surat yang saya berikan itu dan beliau mengatakan pergilah balik, saya akan tengok. Kalau inilah cara-cara yang dijalankan, pihak Kerajaan mengeluarkan arahan itu dan ini dan satu pihak yang lain membuat begini dan begitu, saya rasa apa yang kita harapkan yang selalunya mendatangkan masalah—akhirnya jadi buntu. Inilah yang berlaku.

Begitu juga soal belia dan orang-orang lain berhubung dengan tender, misalnya. Mereka ini memasuki tender untuk mendapatkan perkerjaan potong rumput, cuci jalan dan sebagainya. Ini kadangkala mendapat kegagalan. Pihak-pihak yang berkenaan bertanya, “apa pengalaman yang telah awak dapat? Bila awak mula bekerja, mana duit awak dapat? Mana akaun awak, tolong tunjukkan.” Kalaupun ini juga yang ditanya semuanya belia-belia yang dikatakan antara 18 hingga 30 tahun tadi, baru memulakan pekerjaan, hendak tanya pengalaman kalau tidak ada pengalaman, tidak akan dapat pekerjaan, seperti yang dicadangkan oleh Tabung Amanah ini, rasa saya ianya akan berjalan buntu juga.

Dalam masalah ini, saya menaruh harapan supaya tiap-tiap Kementerian yang berkenaan berkerjasama. Di samping itu juga Majlis-majlis Tempatan, Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran, jabatan-jabatan ini juga harus bekerjasama dengan pihak Kerajaan dan belia-belia ini apabila mereka membuat permohonan untuk mendapatkan lesen dan sebagainya janganlah lama sangat memproses sampai 3-4 bulan, kadang-kadang lupa, tidak dapat lesen

itu. Akhirnya mereka datang kepada ketua-ketua parti, Ahli-ahli Parlimen dan sebagainya mengadu balik semula. Separuhnya menanggung di air yang keruh. Mereka ini membawa perkara ini dan membusukkan parti Barisan Nasional yang ada pada hari ini tetapi yang buat angkara ini adalah segolongan kecil pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu dalam masalah ini, saya mengharapkan sekali lagi kalau benar-benar kita berkehendakkan perkara-perkara yang kita bawa dalam Perlimen ini berjalan dengan baik, pihak-pihak yang berkenaan ini hendaklah berkerjasama dengan kita.

Saya sebutkan begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini telah pun menjadi lumrah. Kadangkala saya sendiri pun kalau hendak diikutkan hati apabila seseorang itu datang kepada saya, surat yang saya recommend itu dilemparkan begitu sahaja, saya terasa juga. Kemungkinan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun ada menghadapinya perkara yang semacam itu. Mereka ini telah pun bekerja, sepatutnya mereka ini juga memikirkan, kalau diri mereka sendiri tidak bekerja, bagaimana akan berlaku terhadap dirinya.

Soal yang lain, kita mengharapkan juga agar pihak parti-parti di dalam negara kita ini bekerjasama, kerana belia-belie ini adalah ibarat pokok yang baru tumbuh, benih yang baru hendak subur, dan dalam masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, janganlah pula ada yang menanggung di air keruh dengan mengajar, menunjukkan belia-belie ini supaya menunjuk perasaan kepada Kerajaan—itu tidak betul, ini tidak betul; mengadakan perarakan, memesongkan pemikiran belia-belie kita yang ada pada hari ini.

Kalau ini juga dijalankan, rasa saya masalah yang serupa ini juga tidak

akan berjalan. Ada satu pihak mengatakan pihak Kerajaan pada hari ini mengambil belia-belie satu golongan sahaja tetapi apa yang saya fahami pihak Kerajaan kita, Barisan Nasional pada hari ini, tidak ada memandang pilih kasih, pilih bulu dan sebagainya, sama rata. Tetapi pihak-pihak yang berkenaan itulah yang selalunya menolak, apa yang dibuat oleh pihak Kerajaan mereka ini menolak dengan bulat-bulat, memberikan perangsang supaya mereka ini membenci pihak Kerajaan, akhirnya perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Kita sendiri lihat berhubung dengan kenaikan pangkat guru-guru sekolah Cina umpamanya, ini juga diapi-apikan oleh pihak parti-parti yang hendak kepentingan diri mereka sendiri dan juga mengadakan perarakan . . . . .

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Ya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa kawan saya Yang Berhormat dari Lembah Pantai itu tidak begitu faham tentang perkara-perkara kenaikan pangkat guru Sekolah-sekolah Cina. Sebenarnya, perkara ini berkenaan dengan kedudukan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, bukan satu isu hendak eksploitasikan, hanya kita hendak mempertahankan apa yang sedia ada selama 30 hingga 40 tahun kerana ini selalu diusik-usik oleh satu-satu pihak untuk menukarkan . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, itu hanya penjelasan saya, bukan satu isu.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jangan sentuh perkara itu.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Saya tidak menyentuh soal ini sebenarnya. Ini kita menyebutkan soal belia-belia kita yang ada pada hari ini sebenarnya. Jikalau kita tidak sentuh dengan belia-belia ini, dengan adanya keadaan Kerajaan yang buat itu dan buat ini tetapi ada sebelah pihak mengapi-apikan belia itu umpamanya yang saya sebutkan, perkara ini telah berlaku, bukan belum berlaku. Itu penjelasan saya.

Soal lain, Tuan Yang di-Pertua, berhubung Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut yang juga telah diperuntukkan sebanyak \$10 juta bagi menjaga kepentingan semula jadi alam yang ada di kawasan pulau-pulau dan laut, di pantai-pantai dan di samping itu juga bagi menggalakkan pelancong-pelancong datang ke negara kita ini untuk memperbaiki balik dan seterusnya. Saya mengharapkan ini satu cara yang amat baik supaya laut-laut ataupun pantai-pantai yang ada pada hari ini termasuk juga beratus-ratus pulau yang ada di sekitar perairan Malaysia kita ini supaya dapat dijaga dengan baik. Umpamanya, di kawasan-kawasan yang ada banyak ikan ataupun umpamanya di Pulau Labuan yang begitu indah supaya dapat diperbaiki sebab Wilayah Persekutuan Labuan itu adalah termasuk dalam Wilayah Persekutuan juga. Apa yang saya dapat tahu di sana banyak kawasan-kawasan yang mengandungi tempat-tempat udang galah atau udang yang

besar-besar supaya disediakan satu-satu tempat, dijaga dengan baik supaya udang-udang itu tidak pupus dan di samping itu juga supaya boleh diadakan tempat-tempat bagi mereka yang berminat untuk memancing dan seterusnya digalakkan tempat-tempat itu diperbaiki dan di kawasan-kawasan yang lain jikalau ada pulau-pulau itu dengan ada pohon yang baik supaya diperbaiki dan juga tempat-tempat peranginan yang lain juga. Dengan adanya ini rasa saya sedikit sebanyak akan dapat menolong membangunkan ataupun merancangkan berhubung dengan perancangan pihak Kerajaan untuk menggalakkan pelancong-pelancong datang ke negara kita ini.

Oleh itu, dengan ini saya sekali lagi menyokong di atas cadangan usul ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri menjawab.

*6.15 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan masa yang agak panjang juga untuk menjawab dan menggulung semua sekali soalan-soalan dan juga cadangan-cadangan yang telah diberi tetapi saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya sedikit pun tidak bertujuan untuk menjawab bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian, tetapi sekadar memberi pandangan-pandangan yang telah pun diberikan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali gus kalau boleh dibenarkan menjawab dan juga menggulung semua pertanyaan-pertanyaan dan juga cadangan-cadangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat tanpa menyebut nama-nama Yang Berhormat tersebut ataupun kawasan-kawasan yang mereka wakili.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa peruntukan sebanyak \$3 juta yang ditimbulkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap pada hari kelmarin dan juga hari ini bagi Tabung Amanah Belia adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah belia-belia yang ada di negara ini pada hari ini. Akan tetapi sebagaimana yang telah saya nyatakan di dalam ucapan saya semasa membentangkan usul ini, peruntukan sejumlah \$3 juta itu adalah merupakan peruntukan bagi melancarkan Tabung ini sahaja. Kerajaan akan menambah peruntukan ini dengan jumlah yang munasabah dari masa ke semasa bergantung kepada keperluan yang berbangkit nanti. Lagi pula, peruntukan sejumlah \$3 juta ini adalah merupakan peruntukan yang termampu yang dapat diadakan oleh Kerajaan bagi keperluan Tabung ini dalam keadaan ekonomi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan berkenaan dengan "success rate", dengan izin, rancangan-ancangan yang telah pun diadakan di bawah program Kementerian Belia dan Sukan seperti Rancangan Belia Niaga, Rancangan Niaga Kecil dan Rancangan Belia Peladang. Saya ingin menegaskan di sini bagi pihak Kerajaan bahawa pada hakikatnya jika dihitung daripada projek-rojek yang telah diluluskan oleh Kerajaan terutama Kementerian yang berkenaan, "success rate", dengan izin, Rancangan Belia Niaga adalah tinggi, lebih tinggi daripada yang diduga, setinggi 82.8%; Rancangan Niaga Kecil mempunyai kejayaan 63.8% tetapi Rancangan Belia Peladang mungkin tidak mendapat kejayaan begitu tinggi, iaitu

rendah sedikit oleh kerana kita faham akan risiko-risiko yang perlu dan mesti dihadapi oleh belia-belia peladang tersebut. Pencapaiannya hanya lebih kurang 29.6%.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan jemu-jemu membimbing belia-belia yang kita ada hari ini terutama di dalam dunia ekonomi agar terbinalah satu culture yang saya sebut kelmarin iaitu satu "success culture", bukannya culture tani yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap tadi, maksud saya "success culture" di kalangan belia-belia yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Amanah Pembangunan Ekonomi Belia adalah salah satu program Kerajaan untuk menuju ke arah yang lebih membina seperti yang saya sebutkan tadi "success culture" yang tentu sekali transcend, dengan izin, ataupun melebihi ataupun menjangkau culture tani ataupun culture perniagaan. Tentu sekali Kementerian Belia dan Sukan mempunyai program-program yang lain yang dapat memenuhi cita-cita murni. Sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menubuhkan Tabung Amanah untuk belia ini amatlah dihargai. Generasi kita yang akan datang yang akan mewarisi perjuangan kita ini tentu sekali akan mengucapkan terima kasih kepada kita kelak terutama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong tentang penubuhan Tabung Amanah ini.

Tentang syarat-syarat yang dikenakan adalah didapati munasabah kerana belia-belia yang berumur di antara 18 tahun yang memerlukan sebenarnya bimbingan daripada Kerajaan, bukan bantuan ataupun spoon-feeding, memerlukan bimbingan daripada kita juga daripada Kerajaan dan apabila mereka melampaui 30 tahun tentu sekali

mereka sudah lebih bertanggungjawab dan boleh berdikari dan mencari punca-punca kewangan yang lain daripada institusi-institusi kewangan Kerajaan yang lain ataupun institusi-institusi kewangan yang lain yang sedia ada pada hari ini dan sudah pun dimaklumi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Umur di antara 18 ke 30 tahun bolehlah disifatkan sebagai kritikal untuk pembinaan diri belia-belia tersebut. Penggantungan nasib belia-belia ini kepada Kerajaan yang terlalu lama tentu sekali akan menggagalkan cita-cita kita untuk membina satu "success culture" yang saya maksudkan tadi. Selepas 30 tahun nanti kebanyakan daripada belia sudah pun berumah tangga dan mungkin beranak-pinak dan sudah semestinya mempunyai sikap yang lebih bertanggungjawab pada diri sendiri dan pada keluarga mereka. Walau bagaimanapun, ini adalah satu dasar ciptaan manusia dan tentu sekali yang dicipta oleh manusia itu boleh diubah oleh manusia sendiri sesuai dengan keadaan, jika perlu, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu, kelulusan SPM, bukan SRP, saya sebut SPM dan saya tidak sebut SRP, dan ke bawah adalah munasabah diterima. Belia-belia yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi tentu sekali mempunyai peluang-peluang yang lebih terbuka. Kalau tidak ada hadnya dan kita berbahas tentang kelulusan SPM, SRP, sampai ayam berkokok pun kita tidak habis, kerana mungkin ada yang akan berkata mengapa tidak dimasukkan belia-belia yang mempunyai ijazah yang pertama. Kemudian selepas itu pula, ada yang berkata kenapa tidak dimasukkan ijazah yang mempunyai Masters atau Ph.D dan sebagainya. Mungkin tidak ada penghujung perbincangan kita. Tetapi untuk tujuan tabung ini, memadailah kita menumpukan perhatian kepada belia-belia yang mempunyai kelulusan SPM dan ke bawah. Kerajaan merasai kumpulan

sasaran yang banyak memerlukan bimbingan ialah yang mempunyai SPM dan ke bawah. Ini bukan bermakna yang lain tidak akan mendapat pembelaan. Pembelaan kepada mereka akan mengambil bentuk lain mengikut keadaan seperti yang kita dengar daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain tadi yang mengatakan ada skim-skim berkenaan siswazah tani dan sebagainya. Tetapi untuk skim ini, skim di bawah Kementerian Belia dan Sukan ini, kita tumpu kepada mereka yang mempunyai kelulusan yang sedemikian.

Jika Yang Berhormat-Yang Berhormat ada cadangan-cadangan yang baik, saya sarankan supaya Yang Berhormat berjumpa dan berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan berkenaan detailnya. Saya sekadar mengusulkan tentang penubuhan Tabung Amanah Pembangunan Belia Negara. Mengenai pecahan keturunan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, adalah sebenar satu "natural selection", dengan izin. Bantuan yang ditargetkan, dengan izin, kepada belia-belia luar bandar dan sebahagian besar daripada belia-belia ini yang datang daripada luar bandar yang memerlukan bimbingan sebenarnya datang daripada keturunan orang Melayu. Yang lebih penting ialah sebahagian besar daripada belia-belia keturunan Cina dan India tidak begitu berminat tentang pinjaman yang tersebut ini kerana jumlah ataupun amountnya tidak begitu tinggi.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi, ini adalah proses "natural selection" oleh kerana sebahagian besar daripada belia-belia yang memerlukan bantuan ini datang daripada luar bandar, dan sebahagian besar daripada belia-belia daripada luar bandar itu terdiri daripada keturunan orang-orang Melayu, maka secara "natural selection" orang-orang yang meminta

bantuan daripada Kementerian ini terdiri daripada orang-orang Melayu. Walau bagaimanapun tentu sekali Kerajaan tidak bertujuan untuk menghadkan setakat yang ada hari ini sahaja, tetapi saya yakin Kerajaan akan membuka pintu lebih luas untuk memenuhi aspirasi, integrasi rakyat supaya belia-belia yang akan menjadi warisan kepada kita dapat menikmati segala kemudahan-kemudahan yang ada pada Kerajaan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti kata pepatah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, "Pemuda harapan bangsa dan pemuda tiang negara", itu adalah benar dan pepatah ini walaupun pepatah Melayu, sebenarnya berkenaan dengan semua belia-belia daripada semua keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kepong, di mana, sekali lagi saya ulangi, kurangnya para belia bukan bumiputera mendapat kemudahan pinjaman kerana tujuan utama rancangan ini adalah dilaksanakan untuk membantu dan menggalakkan para belia bumiputera di kawasan-kawasan luar bandar dan sebenarnya menjadi satu natural selection.

Seterusnya, berhubung dengan soalan Yang Berhormat dari kawasan Marang dan juga Kuala Terengganu, Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa mengutip bayaran balik daripada peminjam-peminjam dari masa ke semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, jika ada peminjam-peminjam yang degil, iaitu yang mampu bayar tetapi enggan membayar, able but not willing to pay, dengan izin, maka Kementerian sudah pun menggunakan syarikat-syarikat peguam untuk menghantar surat-surat peguam kepada mereka dan seterusnya mengambil tindakan mahkamah jika perlu. Setakat ini, feed-back, dengan izin, yang kita

dapat adalah amat menggalakkan. Berhubung dengan keahlian pertubuhan belia . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat yang minta penjelasan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, tentang mampu atau tidak mampu untuk membayar balik oleh belia-belia itu, soalnya, yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, dikatakan orang yang mampu membayar balik tetapi enggan membayar balik, macam mana Kerajaan untuk memastikan sama ada ia mampu atau tidak? Apa garis panduan itu?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, detailnya boleh kita dapat daripada Kementerian tersebut tetapi saya difahamkan ada juga belia-belia yang telah pun berjaya dalam projek mereka tetapi enggan membayar balik, maka pihak Kementerian telah pun menggunakan peguam-peguam swasta untuk mendapatkan balik bayaran daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Berhubung dengan keahlian Pertubuhan Belia, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha menggalakkan belia-belia untuk menjadi ahli dalam Pertubuhan Belia. Dalam usaha meramaikan ahli-ahli Pertubuhan Belia, Kementerian dan Pertubuhan-pertubuhan Belia di semua peringkat telah melancarkan kempen untuk meramaikan ahli-ahli di samping mewujudkan Pertubuhan-pertubuhan Belia yang baru. Mengikut angka-angka yang ada, pada tahun 1983, seramai 1,285,746 orang telah menjadi ahli . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

11405

14 OKTOBER 1987

11406

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Terima kasih.

Berhormat, Dewan ini ditangguhkan  
sehingga pukul 2.30 petang esok.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang

*Dewan ditangguhkan pada pukul  
6.30 petang.*